

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

**YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR (SEMERAH)
SOALAN 10 (A107)**

Apakah usaha kerajaan negeri bagi memastikan prestasi atlit SUKMA 2020 kekal kompeten sehingga 2022 serta perbelanjaan yang telah dibelanjakan setakat Julai 2021 dan status persediaan menjadi tuan rumah SUKMA pada tahun 2022?

JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

PRESTASI ATLET SUKMA 2020

Kerajaan Negeri menerusi Majlis Sukan Negeri Johor telah meneruskan sesi latihan atlet secara maya (virtual) sejak bermulanya perintah kawalan pergerakan pada Mac 2020 bagi mengekalkan tahap stamina atlet di rumah. Namun begitu, bukan hanya di Johor malah di semua Majlis Sukan Negeri pastinya mengalami kesukaran untuk meningkatkan prestasi atlet melalui latihan maya.

Justeru itu, pada bulan Julai 2020 ketika dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) MSNJ telah melaksanakan Pusat Latihan Tertutup Atlet Johor dengan mengikut Standard Operation Procedure (SOP) yang disarankan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Daripada 769 atlet Johor, seramai 112 atlet telah menarik diri. Sebab penarikan mereka adalah seperti berikut:

1. Tiada ketetapan penganjuran SUKMA Johor 2020
2. Terlalu lama menjalani latihan bg persiapan pasukan tanpa ada hala tuju berkaitan sukan
3. Atlet mula memikirkan masa depan untuk bekerja dan menyambung pelajaran
4. Kesukaran utk menjalani latihan di musim pandemik Covid-19

Situasi pandemik Covid-19 pada tahun 2021 juga masih membimbangkan dan demi keselamatan atlet, setakat hari ini, MSNJ masih kekal melakukan aktiviti dalam talian bagi mengekalkan tahap kecergasan fizikal serta memangkin semangat atlet agar terus melakukan aktiviti fizikal serta bersukan. Buat masa ini, kebanyakan daripada atlet Johor giat melakukan latihan dan dipantau secara dalam talian oleh Jurulatih dan Pegawai Sains Sukan.

Antara inisiatif MSNJ untuk memastikan atlet kekal sihat dan aktif dirumah adalah dengan menyalurkan perkhidmatan sains sukan secara atas talian bermula PKP 3.0 dilaksanakan. 3 Perkhidmatan Sains Sukan diberikan iaitu; Suaian Fizikal, Pendidikan Nutrisi Sukan dan Pendidikan Psikologi Sukan. Sepanjang 7 minggu sesi dijalankan, sejumlah 1236 kehadiran dicatatkan dimana Suaian Fizikal sebanyak 695 kehadiran, Pendidikan Psikologi Sukan sebanyak 259 kehadiran, Pendidikan Nutrisi Sukan sebanyak 228 kehadiran dan 'Coffee Talk' sebanyak 54 kehadiran.

Bagi sukan seperti Kayak dan Berbasikal, pihak MSNJ mengambil langkah untuk memberikan perkhidmatan sains sukan secara berasingan di mana ada sesi ujian dijalankan untuk memantau prestasi kekuatan dan ketahanan fizikal atlet. Usaha MSNJ untuk mengekalkan momentum atlet dengan menyalurkan perkhidmatan sains sukan dilihat boleh menaikkan motivasi atlet (bagi atlet yg sentiasa menyertai kesemua program yg disalurkan).

Perkhidmatan Sains Sukan dijalankan sebanyak 4 sesi seminggu di mana sesi suaian fizikal sebanyak 2 sesi seminggu dan 1 sesi seminggu masing-masing untuk pendidikan nutrisi sukan dan psikologi sukan. Selain itu, bagi sukan berbasikal juga pendidikan sains sukan disalurkan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

spesifik kepada sukan tersebut sebanyak 1 kali setiap minggu. Perkhidmatan sains sukan turut juga memberikan info-info yang berguna bukan sahaja untuk menjadi atlet yang berjaya, tetapi untuk menjadi insan yang lebih sihat secara fizikal dan mental di masa akan datang.

Bermula Ogos ini juga, setelah menilai SOP dan kemampuan untuk mengendalikan kem latihan dalam keadaan selamat, beberapa sukan telah ditawarkan untuk mengikuti Kem Latihan Gelembung Sulan di Stadium Tertutup Kluang. Dijangkakan lebih ramai sukan akan menyertai kem ini secara berperingkat. Beberapa lokasi lain adalah seperti Kompleks Sukan Johor, Komplek Sukan Tennis Nusa Duta serta lokasi-lokasi yang dicadangkan oleh Persatuan-persatuan sukan masing-masing.

Dalam masa yang sama juga, MSNJ masih mengawal selia kebajikan atlet dan jurulatih yang telah dilantik seperti:

- Pembayaran elaun bulanan,
- Bekalan makan minum atlet,
- Keperluan peralatan latihan,
- Penginapan, pengangkutan,
- Utiliti dan bantuan khas bagi atlet, jurulatih dan keluarga yang positif atau meninggal disebabkan covid-19.

Anggaran purata perbelanjaan adalah sebanyak RM 280,000.00 sebulan bagi tempoh 7 bulan (Januari hingga Julai).

PERBELANJAAN YANG TELAH DIBELANJAKAN SETAKAT JULAI 2021 – SEKRETARIAT

Adalah dimaklumkan bahawa keseluruhan peruntukan bagi penganjuran temasya SUKMA Ke-20 adalah dianggarkan sebanyak RM150 juta di mana sebanyak RM65 juta disalurkan oleh kerajaan Persekutuan dan baki sebanyak RM85 juta ditampung oleh kerajaan negeri.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor (MMK) pada 4 April 2019 telah bersetuju melantik Sports Johor Sdn. Bhd, (Sports Johor), iaitu anak syarikat Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. (KPRJ) sebagai penganjur utama temasya SUKMA Ke-20. Seterusnya, Lembaga Perolehan Negeri Johor telah bersetuju dengan kos penganjuran sejumlah RM126,235,631.40 sebagai nilai kontrak untuk dianugerahkan kepada Sports Johor dan yang bakal tamat pada bulan Februari 2022.

Ingin dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi SUKMA Ke-20 yang dipengerusikan oleh YB Menteri Belia dan Sukan pada 9 November 2020 telah bersetuju SUKMA Ke-20 Johor 2020 dan Para SUKMA Ke-20 Johor 2020 dibatalkan dan seterusnya bersetuju menawarkan semula kepada negeri Johor untuk menjadi tuan rumah SUKMA Ke-20 dan Para SUKMA Ke-20 pada tahun 2022.

Namun, sejumlah RM27,338,435.78 kontrak kerja telah dikeluarkan kepada beberapa syarikat sebelum pengumuman pembatalan SUKMA oleh YB Menteri Belia dan Sukan. Sebaik sahaja pembatalan SUKMA diumumkan, pihak Sekretariat telah mengambil inisiatif untuk tidak lagi mengeluarkan sebarang kontrak kepada syarikat bagi perbelanjaan penganjuran tetapi hanya kos operasi sahaja yang dibelanjakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

Berdasarkan kontrak kerja sebanyak RM27,338,435.78 tersebut, hanya sejumlah RM15,479,977.53 komitmen yang perlu dijelaskan sehingga Februari 2022 selepas pihak Sekretariat mengambil tindakan pantas untuk berbincang dengan syarikat yang telah dilantik bagi membatalkan kontrak sedia ada.

Jika berdasarkan rekod sehingga bulan Julai 2021, sejumlah RM12,970,197.15 telah dijelaskan di mana sebanyak RM8,139,096.48 adalah kos operasi, manakala sebanyak RM4,831,100.66 adalah kos penganjuran.

Keterangan perbelanjaan adalah seperti berikut:

Bil	Jumlah SST (RM)	Jumlah Komitmen (RM)		Peratus	Baki Kontrak (RM)
1.	126,235,631.40	15,479,977.53		12%	110,755,653.87
Bil	Jumlah Komitmen (RM)	Dijelaskan sehingga Julai 2021 (RM)		Peratus	Baki Belum Jelas (RM)
		Operasi	Penganjuran		
1.	15,479,977.53	8,139,096.48	4,831,100.66	83%	2,509,780.38

STATUS PERSEDIAAN MENJADI TUAN RUMAH SUKMA PADA TAHUN 2022

Pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada bulan Mac 2020 lalu menjejaskan sedikit perancangan penganjuran temasya SUKMA yang telah dijadualkan.

Sekretariat SUKMA Johor selaku entiti yang bertanggungjawab dalam memastikan pengelolaan temasya SUKMA Ke-20 berjalan dengan baik dan memuaskan melibatkan pelbagai aspek seperti pembangunan infrastruktur sukan, pertandingan, pegawai teknikal, kemudahan, penginapan, pengangkutan, sistem keputusan dan sebagainya termasuk memastikan Jawatankuasa Induk SUKMA, Jawatankuasa Kerja / Pengelola dan Jawatankuasa Pelaksana Peringkat Daerah bergerak dengan lancar.

Dari aspek kesediaan venue-venue pertandingan, sepanjang tempoh pandemik COVID-19 dan PKP, pihak Sekretariat sentiasa memantau kemajuan pembinaan dan persediaan kemudahan sukan bagi temasya SUKMA Ke-20 sama ada yang dibina baharu mahupun dinaik taraf siap sepenuhnya. Agensi pelaksana yang terlibat seperti Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. (KPRJ), Jabatan Kerja Raya Negeri Johor (JKR) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telahpun memberikan komitmen sebaik mungkin bagi memastikan venue-venue siap sepenuhnya seperti yang telah dirancangan dan ia memperlihatkan bahawa Kerajaan Negeri Johor telah bersedia untuk menjadi tuan rumah temasya SUKMA Ke-20.

Walau bagaimanapun, ingin saya nyatakan di sini, terdapat beberapa venue yang perlu diperhalusi bagi kesediaan penggunaannya dalam temasya SUKMA Ke-20, jika dilangsungkan dalam tempoh pandemik kerana ada venue-venue SUKMA digunakan sebagai Pusat Kuarantin

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

Dan Rawatan COVID-19 (PKRC), Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) dan Pusat Pemberian Vaksin (PPV). Venue-venue yang terlibat adalah Stadium Perbandaran Pasir Gudang (PKRC) bagi sukan gimnastik / gimrama, Dewanraya Bukit Indah (CAC) bagi sukan silat, Dewan Muafakat Adda Heights (PPV) bagi sukan tinju dan Dewanraya Taman Universiti bagi kemudahan logistik Sekretariat. Oleh itu, kesediaan venue tersebut bagi penganjuran temasya SUKMA Ke-20 akan terjejas sedikit dan alternatif venue-venue bagi sukan-sukan tersebut perlu dipertimbangkan semula sekiranya wabak pandemik COVID-19 masih belum berakhir.

Dalam hal pengelolaan SUKMA pula, pihak Sekretariat sentiasa meneliti dan menilai risiko penganjuran SUKMA Ke-20 sekiranya ia perlu dilangsungkan dalam situasi pandemik COVID-19 terutama dengan peningkatan jumlah kes yang mendadak pada masa ini. Malah, dari masa ke masa pihak Sekretariat optimis merangka, mengkaji dan melihat semula kaedah penganjuran temasya SUKMA Ke-20 dengan membangunkan Standard Operating Procedure (SOP) penganjuran temasya SUKMA Ke-20 dalam situasi pandemik COVID-19 sebagaimana pematuhan semua SOP utama dan garis panduan yang disyaratkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Oleh itu, secara amnya, kerajaan negeri telah bersedia menghadapi penganjuran temasya SUKMA Ke-20 pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, kelangsungan temasya SUKMA Ke-20 adalah bergantung kepada ketetapan Jawatankuasa Tertinggi SUKMA Ke-20 yang dipengerusikan oleh YB Menteri Belia dan Sukan yang akan datang. Saya percaya Kementerian Belia Sukan juga akan memperhalusi pengajuran Sukan Olimpik yang telah melabuhkan tirai baru-baru ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)

SOALAN 11 (A12)

Aduan sering diterima daripada ibu bapa di Segamat yang memantau pembelajaran anak-anak secara maya dari rumah, berkenaan dengan ketidakcekapan dalam kelajuan sistem internet. Apakah tindakan untuk mempertingkatkan lagi kelancaran sistem internet di kawasan tersebut ?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Perancangan penyediaan infrastruktur digital di bawah pelan tindakan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang dilaksanakan secara berperingkat melalui dua fasa bermula tahun 2020 hingga 2025 telah mengambil kira semua kawasan termasuklah kawasan dalam Daerah Segamat.

Di bawah JENDELA Fasa 1, bagi tempoh sehingga Jun 2021, untuk liputan mudah alih, sebanyak 17 menara baharu dirancang untuk dibina di daerah Segamat dan 3 daripadanya telah pun siap dibina serta 178 alat pemancar sedia ada akan dinaik taraf kepada perkhidmatan 4G dan 113 daripadanya telah pun siap dinaik taraf.

Bagi liputan jalur lebar talian tetap pula, sejumlah 21,580 premis tambahan di daerah Segamat akan mendapat liputan internet berkelajuan tinggi gentian optik, dengan 3,893 premis daripadanya telah dilalui dengan infrastruktur gentian optik yang selesai dilaksanakan sehingga Jun 2021.

Fasa 1 ini juga akan menutup rangkaian 3G secara berperingkat di mana 3G dijangka tamat sepenuhnya pada akhir tahun 2021. Usaha ini adalah untuk mempertingkatkan kualiti rangkaian 4G dan secara tidak langsung memberi dasar yang kukuh bagi pelaksanaan rangkaian 5G, bermula **suku ke-4 2021**.

Seterusnya, Fasa 2 JENDELA akan memberi tumpuan untuk merapatkan jurang digital yang tidak tercapai ketika Fasa 1, pengenalan kepada teknologi “akses tanpa wayar tetap” (FWA) dan teknologi-teknologi lain yang bersesuaian.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 12 (A6)

Adakah kerajaan bersedia untuk menaik taraf sistem pencahayaan di kawasan Dataran Kembara Mersing dan menaik taraf fasiliti, rekreasi dan taman permainan kanak-kanak?.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Sememangnya kawasan ini menjadi keutamaan MDM akan menaiktaraf kawasan ini sebagai salah satu kawasan rekreasi pesisir pantai di Daerah Mersing. Pihak MDM dalam proses penyediaan pelan susunatur bagi cadangan naiktaraf kawasan ini. Secara keseluruhannya, kerja naik taraf ini akan melibatkan 1160 meter bagi laluan pejalan kaki, 980m bagi laluan basikal, dan kemudahan landskap kejur lain seperti tempat rehat, *outdoor gym*, *children playground* dan sebagainya. Selaras dengan hasrat kerajaan bagi mengengahkan teknologi hijau, pencahayaan bagi kawasan ini akan menggunakan teknologi solar.

Secara keseluruhan anggaran kos bagi cadangan ini adalah berjumlah RM 1,142,600.00. Perincian anggaran kos ini akan melibatkan komponen utama seperti seperti berikut:

- i. Laluan pejalan kaki (1160m X 2m X RM115) = RM266,800.00
- ii. Laluan basikal (980m X 4m X RM115) = RM450,800.00
- iii. Kemudahan lain (tempat rehat, *outdoor gym*, *children playground* dll) = RM250,000.00
- iv. Pencahayaan lampu solar termasuk tiang (70 unit x RM2500.00) = RM175,000.00

Merujuk kepada anggaran kos tersebut, pihak MDM memerlukan bantuan peruntukan pembangunan daripada kerajaan negeri atau persekutuan bagi melaksanakan cadangan ini.

Jumlah peruntukan pembangunan bagi tahun 2021 adalah RM1,500,000.00. Sehingga 30 Jun 2021, jumlah perbelanjaan pembangunan termasuk tanggungan adalah berjumlah RM 1,377,144.60.

Selain peruntukan pembangunan MDM, sebanyak RM 2,650,000.00 telah diluluskan daripada pelbagai agensi seperti KPKT, Jabatan Landskap Negara, Kementerian Pelancongan dan kerajaan Negeri yang melibatkan 7 buah projek.

Berdasarkan kedudukan kewangan sehingga 30 Jun 2021, baki wang Majlis adalah sebanyak RM 2,644,837.43.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)

SOALAN 13 (A130)

Senaraikan pecahan statistik bilangan kluster dan bilangan pesakit jangkitan Covid-19 mengikut sektor di negeri Johor.

YB TUAN MUHAMMAD TAQUIDDIN BIN CHEMAN (PULAI SEBATANG)

SOALAN 14 (A190)

Apakah langkah yang boleh diambil oleh kerajaan negeri bagi menangani kewujudan kluster-kluster di tempat kerja terutamanya kilang-kilang?.

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

(Jawapan bersekali untuk soalan A130 & A190)

Sehingga 7 Ogos 2021, bilangan kluster aktif dan kebolehjangkitan di negeri Johor adalah sebanyak 185 kluster di mana daripada jumlah tersebut, 115 kluster (62%) adalah penularan dalam industri, 28 (15%) di dalam komuniti, 26 (14%) di dalam institusi, 9 (5%) di pasaraya, 5 (3%) kluster tahanan dan 2 (1%) kluster Import A yang melibatkan kapal di pelabuhan

Kerajaan negeri Johor sentiasa memantau situasi kluster-kluster melibatkan industri terutama kluster kilang melalui agensi-agensi yang berkaitan. Kerajaan Negeri Johor ingin memperkukuhkan dan mengaktifkan semula industri perkilangan di Johor melalui pemerkasaan inisiatif yang telah digariskan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Johor melalui inisiatif Johor Industrial Preparedness Plan (JIPP) dengan mengambil kira Inisiatif Safe@Work Untuk Sektor Perkilangan dan Perkhidmatan Berkaitan oleh pihak MITI. Ia bertujuan untuk:

- Mengaktifkan semula ekonomi negeri Johor
- Memastikan kesihatan ekonomi dan rakyat Johor sentiasa menjadi keutamaan
- Memastikan majikan mengutamakan konsep tanggungjawab bersama (Collective Responsibility) di dalam menggerak dan memperkasakan wargakerja organisasi untuk mengambil langkah pencegahan dan kawalan agar bebas dari COVID-19.
- Memantapkan Sistem Kesiapsiagaan dan Respons menangani wabak penyakit COVID-19 khususnya dan penyakit berjangkit lain di masa hadapan.
- Memperkukuhkan kelestarian program persekitaran kerja yang selamat.

1. Kerajaan Negeri Johor mengambil pendekatan melaksanakan program Johor Industrial Preparedness Plan (JIPP) bagi menyediakan industry untuk terus bekerja di dalam suasana pandemic COVID-19

1.1. Program JIPP menekankan tindakan yang perlu diambil oleh setiap industri melalui pemerkasaan majikan dan wargakerja untuk memainkan peranan yang lebih giat sebagai frontliner ekonomi.

1.2. Program ini akan dikomplemen dengan tindakan penguatkuasaan oleh agensi2 berkaitan

1.3. Adalah diharapkan dengan usaha industry ini akan dapat mempercepatkan persijilan Inisiatif Safe@Work yang disarankan oleh pihak MITI

2. Mana-mana kilang atau institusi yang melaporkan kes positif akan dibuat penutupan sekurang-kurangnya selama 24 jam. Penutupan dibuat di bawah Akta 342, bagi membenarkan pasukan kesihatan menjalankan siasatan terperinci, mengenalpasti kontak,

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

mengenalpasti kawasan berisiko dan seterusnya menjalankan aktiviti disinfeksi dan dekontaminasi.

3. Berdasarkan penilaian risiko, Pejabat Kesihatan Daerah akan menentukan samada penutupan selanjutnya diperlukan atau tidak terhadap keseluruhan fasiliti atau sebahagian fasiliti sahaja.
4. Beberapa siri pertemuan di antara wakil jabatan kesihatan dan pihak kilang telah diadakan bagi membantu pihak kilang mewujudkan rangkaian kesinambungan perniagaan mereka semasa wabak
5. Pekerja kilang pula akan disiasat untuk memastikan pendedahan terhadap jangkitan dan mereka yang dianggap kontak rapat akan menjalani kuarantin selama 10 hari dengan 2 kali ujian akan dijalankan.
6. Aktiviti pengurusan risiko dilaksanakan di kilang bagi memastikan persekitaran kilang selamat sebelum dibuka semula. Di antara aktiviti penambahbaikan SOP yang perlu diambil oleh pihak kilang, termasuk :
 - 6.1. Melakukan gate keeping bagi setiap pekerja bagi pemakluman gejala dan risiko (secara google form) dan sekiranya berisiko, kad akses mereka akan disekat, dan pekerja tersebut akan diarahkan untuk menjalani ssaringan, dikuarantin dan seterusnya pemakluman kepada PKD.
 - 6.2. SOP di lokasi umum seperti surau dan kantin , di tempat kerja/working station
 - 6.3. Amaran dan peringatan secara siar raya dan poster oleh pihak majikan dan boleh dilihat dan didengari pada setiap sudut ruang kerja.
 - 6.4. Program vaksinasi pekerja kilang disegerakan bagi mengurangkan risiko penularan di bawah program PIKAS. Selain itu pihak pejabat kesihatan juga perlu berusaha memastikan ahli keluarga mereka juga diberikan vaksinasi secepat mungkin.
 - 6.5. Pemantauan harian masih dijalankan oleh pihak PKD ke atas operasi kilang bagi memastikan pemantauan SOP dikekalkan.
7. Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat bagi menangani kewujudan kluster-kluster di tempat kerja terutamanya kilang-kilang adalah seperti berikut:
 - (1) **Mewartakan SOP Pelan Pemulihan Negara (PPN) – Sektor Pengilangan Dan Pembuatan yang dikemaskini pada 9 Julai 2021.**

Aktiviti dan Protokol yang telah digariskan di dalam SOP PPN Sektor Pengilangan dan Pembuatan yang wajib dipatuhi meliputi perkara berikut :

- (i) Etika di kawasan umum di dalam Premis;
- (ii) Pengangkutan pekerja;
- (iii) Penginapan pekerja;
- (iv) Tindakbalas Kecemasan (Emergency Respon Team (ERT));
- (v) Pemantauan pekerja oleh ERT;
- (vi) Pengurusan kes positif Covid-19;
- (vii) Pengurusan kes contact rapat pekerja tempatan dan asing;
- (viii) Taklimat kepada pengawal keselamatan dan kakitangan berhubung penyakit COVID-19 dan langkah-langkah pencegahan;
- (ix) Penutupan premis;
- (x) Pembukaan semula premis;

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

- (xi) Pematuhan Aplikasi MySejahtera; dan
- (xii) Pematuhan dan penguatkuasaan

(2) Penguatkuasaan ke atas pematuhan SOP PPN Sektor Pengilangan dan Pembuatan kemaskini 9 Julai 2021

- (i) Penguatkuasaan kompaun ke atas ketidakpatuhan SOP PPN Sektor Pengilangan dan Pembuatan di bawah Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988);
- (ii) Operasi penguatkuasaan melibatkan beberapa agensi yang dilaksanakan secara bersepadu bagi memastikan tindakan dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan. Antara agensi utama adalah PDRM, MITI, JTK, PERKESO, PBT, JKN dan lain-lain yang diberi kuasa di bawah AKTA 342.

(3) Program Imunisasi Industri Covid-19 Kerjasama Awam Swasta (PIKAS)

- (i) Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) dilancarkan sebagai Fasa 4 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi menyoegerakan proses imunisasi Rakyat.
- (ii) PIKAS yang diterajui oleh MITI merupakan program kerjasama awam-swasta di mana sektor swasta akan menyediakan kemudahan Pusat Pemberian Vaksin termasuk perkhidmatan perubatan, bukan perubatan dan keselamatan.
- (iii) PIKAS membantu mempertingkatkan tahap pengambilan vaksinasi di kalangan tenaga kerja di dalam sektor pengilangan dan pembuatan di negeri Johor seterusnya dapat mengurangkan bilangan Kluster di tempat kerja.
- (iv) Bagi negeri Johor, program PIKAS telah bermula di RAPID Pengerang pada 16 Jun 2021.
- (v) Sehingga 8 Ogos 2021, sebanyak lima (5) Pusat Pemberian Vaksin di bawah Program PIKAS telah diaktifkan seperti berikut :
 - a) *PIC Pengerang, Kota Tinggi;*
 - b) *Austin International Convention Centre (AICC), Johor Bahru;*
 - c) *SKT Hall, Muar;*
 - d) *Educity, Iskandar Puteri, Johor Bahru dan*
 - e) *Eco Galleria, Johor Bahru*
- (vi) Sehingga 7 Ogos 2021, Ringkasan Laporan Vaksinasi di bawah Program PIKAS bagi Negeri Johor adalah seperti berikut :

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

Jumlah Pendaftaran (Mysejahtera)	Penerima Dos 1	Penerima Dos 2	Jumlah Penerima (Dos 1 + Dos 2)	Peratus (Penerima Vaksin)
370,000	71,535	24,383	95,918	19%

(4) Safe@Work

- (i) Bagi sektor perindustrian pula, Kerajaan Pusat melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) telah memperkenalkan Prosedur Operasi Standard (SOP) 'Safe@Work' bagi sektor perkilangan.
- (ii) SOP komprehensif ini bertujuan untuk meningkatkan langkah-langkah penjagaan kesihatan awam yang dipertanggungjawabkan kepada pihak majikan dalam menangani penularan wabak Pandemik COVID-19 dalam masa yang sama dapat mempraktikkan norma baharu di kalangan pekerja sama ada ditempat kerja atau di tempat tinggal.

(5) Johor Industrial Preparedness Plan (JIPP)

- (i) Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mencadangkan kepada Kerajaan Pusat berhubung pelaksanaan inisiatif baharu iaitu Projek Perintis *Johor Industrial Preparedness Plan (JIPP)* yang menggunakan konsep *Safe@work* yang mempunyai objektif seperti berikut:
 - (a) Konsep *Collective Responsibility*;
 - (b) Memantapkan sistem kesiapsiagaan dan respons; dan
 - (c) Memperkukuhkan kelestarian program persekitaran kerja yang selamat.
- (ii) Antara pelaksanaan JIPP ini adalah seperti berikut:
 - (a) Pelaksanaan risk assessment secara *case to case basis terhadap industry secara holistic*
 - (b) Pemerkasaan PERT di tempat kerja
 - (c) Pelaksanaan risk reduction melalui pengurusan tempat kerja serta komunikasi berkesan; dan
 - (d) Pemantauan dan penguatkuasaan secara bersepadu melibatkan agensi berkaitan termasuk Jabatan Kesihatan Negeri, MITI Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH (BEKOK)
SOALAN 15 (A41)

Mengapakan Kerajaan Negeri Johor tidak berjaya untuk menarik pelaburan asing bagi mewujudkan kilang pembuatan vaksin di Johor melalui IRDA?

JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD

Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan negeri Johor sentiasa berusaha gigih dan komited dalam usaha menarik pelaburan asing mahupun tempatan. Ianya dapat dizahirkan dengan kejayaan kerajaan negeri Johor membawa masuk pelaburan pada tahun ini walaupun berada dalam satu tempoh masa yang sukar dan amat mencabar. Merujuk kepada laporan yang dikeluarkan oleh MIDA, Negeri Johor berjaya menerima nilai pelaburan masuk sebanyak RM1,7 Billion pada tahun 2021 bagi tempoh Januari sehingga Mac 2021. Yang mana sejumlah RM369 Juta adalah pelaburan asing manakala RM 1.3 Billion adalah pelaburan Domestik.

Kerajaan negeri sentiasa membuka ruang kepada mana-mana pelabur asing yang berminat untuk melabur di negeri ini. Ianya adalah terbuka dan tidak tertakluk kepada pelaburan khusus bagi mewujudkan kilang pembuatan vaksin. Pelaksanaan berterusan PKP telah menyumbang kekangan yang besar kepada proses memeterai perjanjian atau persefahaman di antara pihak pelabur dan juga agensi-agensinya terbabit.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN 16 (A73)

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh KBS dan EXCO Belia dalam menangani masalah sosial golongan belia yang membimbangkan di kawasan Senggarang. Bilakah pusat rekreasi dan sukan akan dibina di Senggarang untuk kemudahan belia beraktiviti?

JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Ketika ini, JBS Johor tidak mempunyai sebarang perancangan untuk projek pembangunan (fasiliti sukan) dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Senggarang. Namun, terdapat fasiliti sukan sedia ada (2 buah gelanggang futsal) yang telah dibina melalui Peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 2009 seperti berikut:

Bil	Lokasi	Status Tanah	Status Penggunaan
1.	Lot 3914, Rezab Sekolah Kampung Baru, Senggarang	Tanah Rezab Sekolah	Aktif
2.	Lot 88, Kampung Minyak Beku, Mukim 9, Senggarang	Tanah Majlis Perbandaran Batu Pahat	Tidak aktif

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)
SOALAN 17 (A141)**

Apakah langkah-langkah diambil untuk meningkatkan kekerapan ibubapa mendapatkan perkhidmatan Occupational Therapy (OT) dan Speech Therapy (ST) melalui hospital kerajaan memandangkan bayaran perkhidmatan Occupational Therapy (OT) dan Speech Therapy (ST) adalah tinggi di pihak swasta?

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

Perkhidmatan Pemulihan Carakerja, *Occupational Therapy (OT)* disediakan di semua Hospital Kerajaan dan 27 buah klinik Kesihatan di Negeri Johor.

Manakala Perkhidmatan Terapi Pertuturan, *Speech Therapy (ST)* ditawarkan di 5 buah hospital berpakar iaitu Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru, Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar, Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat dan Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang.

Antara Program Intervensi yang ditawarkan untuk Perkhidmatan Pemulihan bayi dan kanak kanak adalah seperti di bawah:

- Program intervensi awal terapi perkembangan kanak kanak
 - motor kasar, motor halus, sosial dan kognitif;
- Penilaian dan terapi integrasi sensori dan multi sensori;
- Latihan kemahiran Pra sekolah - menulis, kemahiran sosial;
- Latihan Kehidupan harian;
- *Splint*;
- Modifikasi peralatan;
- Penilaian Kerusi roda; dan
- Penilaian sekolah dan rumah.

Pesakit akan dilihat mengikut tempoh masa standard kualiti yang ditetapkan. Bagi *Occupational Therapy (OT)*, semua rujukan baru pesakit baru akan dilihat dalam masa 3 hari dari tarikh menerima borang rujukan. Untuk rawatan susulan, kes pediatrik ia mengambil antara 1 bulan ke 3 bulan. Manakala bagi *Speech Therapy (ST)*, kes baru akan dilihat dalam tempoh 3 bulan manakala pesakit ulangan adalah antara 4 hingga 8 bulan bergantung kepada jenis rawatan. Ini adalah disebabkan terdapat kekangan dari segi kekurangan peralatan dan ruang.

Walau bagaimanapun, tindakan telah diambil untuk memastikan kualiti rawatan tidak terjejas seperti

1. Menjalankan program latihan ibu bapa atau penjaga berdasarkan *Home Program* beserta dengan risalah.
2. Mengadakan virtual terapi bagi yang bersesuaian.
3. Permohonan peralatan dan ruang rawatan telah dipohon setiap tahun.
4. Penambahan staf kontrak untuk menampung keperluan perkhidmatan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN HAJI RASMAN BIN HAJI ITHNAIN (SEDILI)
SOALAN 18 (A27)

Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk pembinaan Rumah Mampu Milik di Kawasan Sedili khususnya di kampung tradisional? Isu perumahan mampu milik amat diperlukan di kawasan Sedili.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Kerajaan negeri komited dan akan terus aktif untuk membina lebih banyak rumah mampu milik di negeri Johor melalui pendekatan berikut:-

- i. Mengenalpasti selain daripada tanah milik kerajaan untuk dibangunkan rumah mampu milik melalui Pengambilan Balik Tanah secara terancang. Bagi fasa 1 Program Pengambilan Balik Tanah bagi tujuan pembangunan rumah mampu milik, kerajaan negeri telah membelanjakan RM34.77 juta untuk melaksanakan pengambilan balik tanah seluas 48.36 ekar bagi membina rumah mampu milik, yang kini dalam perancangan pembangunan oleh syarikat-syarikat berkepentingan kerajaan negeri (GLC). Pecahan pengambilan tanah rumah mampu milik (fasa 1) mengikut daerah adalah sebagaimana di Jadual 1. Manakala bagi fasa kedua yang dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2022 adalah sebagaimana di Jadual 2. Bagi di kawasan Kota Tinggi terutama sekali di kawasan Sedili, tanah di kawasan tersebut adalah jenis pembangunan berkelompok seperti Felda, Felcra dan Kejora. Namun demikian kerajaan negeri akan mencari tanah yang sesuai untuk dilaksanakan pengambilan balik tanah bagi tujuan pembinaan Rumah Mampu Biaya Johor.
- ii. Penguatkuasaan pembangunan perumahan yang dilaksanakan oleh pihak swasta bagi penyediaan komponen rumah mampu milik dalam pembangunan sebagaimana Dasar Perumahan Rakyat dengan lebih agresif. Sebagaimana Dasar Perumahan Rakyat Johor Edisi 2019, tiada pengecualian pembinaan secara total oleh pemaju untuk TIDAK membina komponen Perumahan Rakyat Johor. Pengenaan caj gantian pada unit rumah mampu biaya yang dipohon untuk tidak dibangunkan dan wajib digantikan komponen tidak dibangunkan tersebut dengan komponen rumah mampu biaya yang lain bagi mencukupkan peratusan Perumahan Rakyat Johor dibina oleh pemaju. Pelaporan Perumahan Rakyat Johor yang memperoleh kelulusan Kebenaran Merancang dan dijangkakan siap pada tahun 2021 adalah sebagaimana di **Jadual 3**. Manakala perancangan pambangunan RMBJ oleh pemaju swasta di Kota Tinggi dan Mersing pada 2021 adalah sebagaimana di **Jadual 4**.

Pembangunan Kampung Tradisional adalah program pembangunan bagi membangkit kesedaran dan pembangunan penduduk desa bagi membawa perubahan dan pembangunan yang pesat ke kawasan luar bandar yang melibatkan perlaksanaan program pembangunan sikap penduduk dan penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas yang disalurkan melalui pejabat Pegawai-pegawai Daerah. Bagi maksud penyediaan rumah di kampung Tradisional yang kebanyakannya adalah di atas tanah milik penduduk kampung itu sendiri, kerajaan negeri telah meluluskan dana berjumlah RM20.0 juta untuk program Rumah Ihsan Johor, di mana pemohon golongan B40 yang mempunyai tanah sendiri untuk dibangunkan rumah bernilai RM65,000 - RM80,000.00 atau bantuan untuk memperbaiki rumah.

Nota : Insentif pembangunan Kampung Tradisional di Kota Tinggi perlu dirujuk ke Pejabat Daerah Kota Tinggi dan Majlis Daerah Kota Tinggi.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

Jadual 1: Laporan Pengambilan Tanah Rumah Mampu Milik (Fasa 1) Di Negeri Johor

Daerah	Keluasan (ekar)	Pampasan (RM)
Johor Bahru	2.43	6,930,800.00
Kluang	14.46	9,192,506.00
Segamat	16.85	3,908,549.00
Pontian	14.62	14,732,120.00
Jumlah (4) daerah	48.36	34,763,975.00

Sumber: Unit SSI

Jadual 2: Laporan Pengambilan Tanah Rumah Mampu Milik (Fasa 2) Di Negeri Johor

Daerah	Keluasan (ekar)	Pampasan (RM)
Batu Pahat	51.734	26,252,000.00
Mersing	60.956	18,720,000.00
Kluang	50.000	8,900,000.00
Jumlah (3) daerah	162.69	53,872,000.00

Sumber: Unit SSI

Jadual 3: Pelaporan Perumahan Rakyat Johor Yang Memperoleh Kelulusan Kebenaran Merancang Dan Dijangkaan Siap Pada Tahun 2021

Daerah	Unit Perumahan Rakyat Johor
JOHOR BAHRU	2,687
KULAI	831
MUAR	35
BATU PAHAT	378
KLUANG	176
SEGAMAT	59
TANGKAK	122
PONTIAN	155
KOTA TINGGI	-
MERSING	-
JUMLAH	4,443

SUMBER: Perunding MNF (Laporan sehingga Februari 2021)

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

Jadual 4: Perancangan Pembangunan RMBJ Oleh Pemaju Swasta Di Kota Tinggi Dan Mersing

Daerah / Mukim	Pemaju / Nama Taman	Unit Perumahan Rakyat Johor
Mersing / Endau	KPRJ Petroleum / Jauhar Tenglu	178 unit
	Tetuan Koperasi Kakitangan Kerajaan	110 unit
	Mersing / -	
	Marina Hill / -	35 Unit
	Prudent Steel Development / -	8 Unit
	Kota Sutera / Taman Markisa	35unit
Mersing / Tenggara	TD Consultant / Taman Wawasan	398 Unit
	JUMLAH	729 unit
Kota Tinggi	Daiman Jaya/ Taman Daiman Jaya	3,104 unit
	Pesaka Persada/ Taman Kota Pesaka	399 unit
	Glomac Sutera Sdn Bhd/ Taman Sri Saujana	752 unit
	Golden Envoy/ Desa impian	553 unit
	Amber Land Berhad/ Tenggara	444 unit
	JUMLAH	5,252 UNIT

SUMBER: Perunding MNF (Laporan sehingga Februari 2021)

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)
SOALAN 19 (A169)

Apakah rancangan dan bantuan yang telah diberikan atau akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor untuk menggalakkan pertanian bandar di kawasan bandar bagi meringankan kos beban hidup atau menjana pendapatan bagi golongan B40?

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

Program Pertanian Bandar merupakan program yang bertujuan bagi membantu isi rumah bandar meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri sebahagian daripada bahan makanan yang diperlukan. Program ini melibatkan penduduk di kawasan bandar dan pinggir bandar dengan kerjasama dan penglibatan pelbagai jabatan, agensi berkaitan, pertubuhan komuniti dan sebagainya.

Aktiviti pertanian di kalangan penduduk bandar bagi mengeluarkan bahan makanan sendiri merupakan satu pendekatan yang praktikal dan dapat mengurangkan perbelanjaan harian berikutan kenaikan kos sara hidup di bandar. Berdasarkan kepada situasi tersebut, Program Pertanian Bandar dilaksanakan bertujuan bagi menggalakkan penduduk bandar menanam sendiri sayur-sayuran / tanaman makanan di sekitar kediaman mereka supaya beban kenaikan kos sara hidup dapat dikurangkan. Di antara objektif program pertanian bandar adalah untuk:

- i. Menggalakkan penduduk setempat untuk menanam dan mengeluarkan sendiri bahan makanan bagi menampung keperluan harian serta mengurangkan kos sara hidup;
- ii. Menambahkan pendapatan sampingan komuniti bandar melalui lebihan pengeluaran hasil pertanian;
- iii. Menyokong usaha kerajaan dalam menjamin kualiti dan sekuriti makanan negara; dan
- iv. Memupuk kesedaran dan minat terhadap kepentingan pertanian sebagai penyumbang terus kepada kesejahteraan serta keceriaan persekitaran komuniti bandar.

Di bawah Jabatan Pertanian, Program Pertanian Bandar dilaksanakan oleh penduduk di kawasan bandar dan pinggir bandar di seluruh negeri di Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan. Namun, bermula tahun 2021 program ini telah diberi penjenamaan semula dikenali sebagai **Program Pertanian Komuniti / Kebuniti** yang mana pelaksanaan dan insentif bantuan juga telah diperluas dalam kalangan penduduk luar bandar. Kawasan penanaman diberi fokus kepada kawasan sekeliling rumah, institusi, pejabat, tanah rezab kerajaan dengan kebenaran bertulis daripada pegawai pengawal, kawasan tanah terbiar dan tanah yang sesuai mengikut tanaman. Selain khidmat nasihat teknikal, pemberian insentif boleh dipertimbangkan sebagai galakan awal. Insentif adalah dalam bentuk benih/bahan tanaman, input, peralatan kecil pertanian serta kerja-kerja penyediaan kawasan. Jabatan Pertanian peringkat negeri berperanan memberi khidmat nasihat berhubung penentuan kawasan aktiviti, jenis kategori dan tanaman berdasarkan kesesuaian kawasan. Pelaksanaan program ini akan melibatkan kerjasama pihak berkuasa tempatan, jabatan dan agensi yang berkaitan.

Melalui Jabatan Pertanian, Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan telah pun menyediakan insentif bagi mendukung pelaksanaan program pertanian bandar melibatkan tiga (3) kategori peserta iaitu individu, komuniti dan institusi pendidikan. Pada tahun 2020, sebanyak RM 400,000 telah diperuntukan bagi menjayakan program ini yang mana telah memberi manfaat kepada seramai 3,437 orang peserta (Lampiran 1). Manakala sebanyak RM

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

2.137 Juta telah diperuntukkan pada tahun 2021 ini dan dijangkakan seramai 363 orang peserta individu dan 110 projek komuniti/institusi yang akan melibatkan lebih ramai penerima manfaat. Sebagai impak atau *outcome* yang dapat diperolehi melalui program pertanian bandar ini adalah seperti dapat mengurangkan perbelanjaan keperluan dapur peserta projek, menjana pendapatan sampingan peserta projek, memupuk minat untuk bertani dan menjadikan bertani sebagai satu hobi yang berfaedah disamping turut membantu menjamin keselamatan makanan terutama dalam komuniti setempat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR (SEMERAH)
SOALAN 20 (A104)

Berapakah jumlah peruntukan untuk membantu usahawan yang telah dibelanjakan setakat Julai 2021 serta keutamaan mereka yang layak menerima bantuan dan berapa yang telah menerima manfaat ini?

JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD

Kerajaan Negeri sedar akan keperluan untuk Negeri Johor menjadi pelopor dan suri tauladan kepada negeri-negeri lain di Malaysia. Justeru itu, Perbadanan Usahawan Johor Sdn Bhd (PUJB) merupakan pelaksana program pembangunan usahawan Negeri Johor yang juga merupakan sekretariat Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor (MPUNJ) bersama-sama dengan lain-lain agensi bagi memperkasakan keusahawanan Johor. Pelbagai bentuk bantuan seperti geran, pembiayaan dan insentif, kursus dan latihan disediakan buat usahawan PKS Negeri Johor.

Bantuan dan program yang dijalankan telah memberi manfaat kepada hampir 40,000 usahawan di Negeri Johor. Melalui rekod terkini sehingga Julai 2021, nilai peruntukkan bagi bantuan berbentuk geran yang telah disalurkan kepada para usahawan di negeri ini adalah berjumlah RM 18,706,142.42. Lanya telah dimanfaatkan oleh 5979 usahawan di dalam Negeri Johor. Geran ini merangkumi pembelian peralatan, mesin atau menambahbaik premis usahawan, program pemasaran serta latihan. Pelaksanaan inisiatif atau bantuan telah melibatkan pelbagai jabatan serta agensi terbabit. Antara jabatan yang terlibat secara lansung di dalam memberikan geran adalah seperti Perbadanan Usahawan Johor, Jabatan Pertanian Negeri Johor, SME Corp, Kejora, Teraju, IRDA FAMA, MATRADE dan lain-lain agensi. Keutamaan di berikan kepada golongan Mikro PKS.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 21 (A59)

Nyatakan bilangan Perusahaan Kecil dan Sederhana yang terpaksa menamatkan perniagaan akibat terkesan daripada pandemik Covid-19 sejak tahun 2020 hingga sekarang.

JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD

Menjawab soalan Yang Berhormat Bentayan, Negeri Johor mempunyai seramai 98,190 PKS dari jumlah keseluruhan PKS Malaysia. Johor merupakan negeri ke-3 paling ramai PKS di Malaysia selepas Selangor dan Wilayah Kuala Lumpur. Daripada nilai tersebut 70% merupakan usahawan PKS bertaraf mikro iaitu dengan definisi hasil jualan bagi perkhidmatan dan pembuatan sehingga RM 300,000 setahun dengan bilangan pekerja sekurang-kurangnya 5 orang. Maklumat ini adalah berdasarkan sumber dari Jabatan Perangkaan Malaysia dalam Banci Ekonomi, Economic Census 2016.

Walau bagaimanapun melalui laporan yang diterima dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), sehingga Jun 2021 terdapat 26,651 perniagaan ditutup di dalam Negeri Johor. Manakala bagi syarikat tempatan terdapat 2,119 syarikat ditutup serta 172 syarikat perkongsian liabiliti terhad juga telah ditutup.

YB Speaker, perincian statistik mengikut daerah, perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terjejas akibat pandemik Covid-19 seperti yang Yang Berhormat Bentayan utarakan tidak menumpu ke arah itu malah jumlah yang terjejas secara umum adalah berdasarkan kaji selidik pihak SME Corp kira-kira 170,000 usahawan yang melibatkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), mikro dan koperasi seluruh negara terjejas ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana wabak koronavirus (COVID-19).

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 22 (A63)

Berapakah PKS yang telah memohon Skim Pembiayaan PKS Negeri Johor dan berapakah jumlah permohonan yang telah diluluskan?

JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD

Pelbagai inisiatif yang telah di laksanakan oleh pihak kerajaan bagi memperkasakan PKS Negeri Johor. Bagi bantuan kewangan ia di beri dalam 2 bentuk samada pembiayaan atau geran. Melalui rekod di bawah Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor yang diselaraskan oleh PUJB, terdapat lebih dari 10 agensi yang terlibat dalam memberi pembiayaan. Contohnya seperti TEKUN, MARA, SME BANK, Amanah Ikhtiar Malaysia(AIM), PNS, PUNB, MIDF, Dana Waqaf Jcorp , Agro Bank dan lain-lain.

Sehingga Julai 2021 jumlah permohonan pembiayaan yang telah diluluskan bagi PKS Negeri Johor adalah sebanyak RM 332,676,635.00 dan dapat dimanfaatkan oleh 21,934 usahawan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 23 (A165)

Minta nyatakan bentuk bantuan, elaun dan subsidi kepada nelayan darat di negeri Johor.

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

Pada tahun 2021, peruntukan bantuan berjumlah RM248,200 telah disalurkan kepada 4 komuniti perikanan (myKP) di daerah Muar dan Kota Tinggi yang melibatkan 61 orang nelayan darat bagi tujuan projek ternakan ikan air tawar serta pusat pengumpulan dan jualan ikan.

Selain itu, pada tahun yang sama, seramai 114 orang nelayan darat telah menerima Elaun Sara Hidup Nelayan Darat pada kadar RM250/bulan. Jumlah penerima tersebut meningkat seramai 34 orang berbanding tahun sebelumnya iaitu hanya 80 orang. Kadar Elaun Sara Hidup Nelayan Darat juga telah dinaikkan sebanyak RM50 berbanding hanya RM200/bulan pada tahun sebelumnya, menjadi RM250.

Di bawah program Pembaikan Perumahan Nelayan Darat Tahun 2019-2021, sejumlah RM559,000.00 telah diperuntukan untuk tujuan tersebut yang telah memanfaatkan 43 orang nelayan darat daripada daerah Kota Tinggi (20 orang), Muar (5 orang), Mersing (9 orang) dan Kluang (9 orang).

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 24 (A160)

Bagaimanakah Kerajaan Johor mengesan dan membantu para usahawan yang mengalami kemerosotan perniagaan akibat Covid-19 ?

JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD

Kita semua sedia maklum, pelaksanaan arahan PKP bagi membendung penularan COVID19 telah memberi kesan langsung yang teruk terhadap sektor mahupun aktiviti ekonomi terutamanya para usahawan di negeri ini. Bagi tujuan mengesan dan seterusnya membantu para usahawan negeri, kerajaan di peringkat persekutuan dan juga negeri telah giat berusaha dengan melaksanakan pelbagai program serta inisiatif bagi tujuan tersebut.

Pelbagai saluran telah dibuka kepada PKS untuk berhubung dengan agensi pembangunan usahawan bagi mendapatkan informasi mahupun bantuan yang diperlukan. Antaranya saluran yang disediakan dan boleh dirujuk adalah Portal MyAssist MSME. Portal ini adalah hasil inisiatif SME Corp bagi menyediakan platform komunikasi dua hala serta medan informasi bagi para usahawan. Meetme melalui platform MyAssist MSME diwujudkan bagi membantu PKS dalam menjawab permasalahan yang dihadapi, mendapatkan informasi terkini, peluang perniagaan dan khidmat nasihat. Menerusi perkhidmatan ini, terdapat lebih 50 Kaunselor Perniagaan yang bertugas sedia membantu PKS dalam pelbagai topik dan bidang. Para usahawan terbabit boleh melayari www.myassist-msme.gov.my.

Perbadanan Usahawan Johor Sdn Bhd (PUJB) sebagai agensi yang bertanggungjawab turut aktif melaksanakan usaha-usaha bagi mengesan dan seterusnya membantu para usahawan yang terjejas di negeri ini. Salah satu usaha yang di buat bagi mengesan usahawan adalah kolaborasi secara terus menerusi Pejabat Daerah, agensi di bawah Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor serta semua Pejabat Exco di bawah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan. Pelbagai program telah dilaksanakan sepanjang PKP sejak tahun 2020 hingga kini dan telah memberi manfaat hampir kepada 60,000 usahawan Negeri Johor.

Antara program turun padang yang telah dilaksanakan adalah Misi Jejak PKS . Sehingga tahun 2020 hingga kini program tersebut telah berjaya dimanfaatkan kepada lebih 500 PKS yang terjejas dengan nilai RM 1 juta sepanjang pandemik COVID 19. Program yang berkonsepkan memberi khidmat nasihat secara terus kerana turut serta di dalam lawatan adalah Jabatan atau agensi yang berkaitan. Bantuan mesin dan peralatan juga turut di berikan di dalam sesi lawatan tersebut.

Selain daripada itu, PUJB juga giat berhubung dan berinteraksi dengan para usahawan melalui platform media sosial sediada seperti di laman facebook PUJB, Instagram, PUJB.TV dan PUJB.official di Twitter. Sekurang-kurangnya setiap hari PUJB menerima sehingga 10 pesanan dan sejak Mac 2020 hingga Julai 2021 dianggarkan sebanyak 5100 pesanan telah diterima. Setiap komen yang diterima direkod serta diberi maklum balas segera oleh PUJB.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR (SEMERAH)
SOALAN 25 (A106)

Dalam usaha memastikan PDPDR berjalan lancar, apakah status terkini liputan internet di kawasan pinggir bandar serta kawasan luar bandar negeri Johor terutama dalam kawasan DUN Semerah.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Pihak kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa ambil berat dan prihatin terhadap keperluan internet yang telah menjadi salah satu keperluan utama terutamanya di musim pandemik ini yang telah merubah corak kehidupan rakyat Malaysia. Sehubungan dengan itu, pelan tindakan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang dilaksanakan secara berperingkat dalam 2 fasa bermula tahun 2020 hingga 2025 telah dibangunkan bagi mempercepatkan serta merencanakan pembangunan infrastruktur digital terutamanya di kawasan pinggir bandar dan luar bandar.

JENDELA adalah sebuah rancangan penyediaan infrastruktur digital yang menyeluruh dan komprehensif bertujuan untuk memberi perkhidmatan Internet tetap dan mudah alih yang berkualiti kepada pengguna tanpa mengabaikan mana-mana kawasan DUN. Bagi meningkatkan liputan internet mudah alih di DUN Semerah, sebanyak 36 daripada 40 alat pemancar sedia ada telah siap di naik taraf kepada perkhidmatan 4G di bawah JENDELA fasa 1. Di bawah fasa yang sama, liputan jalur lebar talian tetap berkelajuan tinggi akan diperluaskan lagi kepada 3,047 premis dan 1,854 premis daripadanya telah pun dilalui dengan infrastruktur gentian optik yang selesai dilaksanakan sehingga Jun 2021.

Seterusnya, fasa 2 JENDELA akan memberi tumpuan untuk merapatkan jurang digital yang tidak tercapai ketika fasa 1, pengenalan kepada teknologi “akses tanpa wayar tetap” (FWA) dan teknologi-teknologi lain yang bersesuaian.

Kadar Liputan semasa pada suku pertama tahun 2021 mengikut daerah adalah seperti berikut:

Daerah	Purata Kelajuan Muat Turun (Mbps) pada Disember 2020	Liputan LTE (Q1 2021)	Liputan 2G (Q1 2021)
Batu Pahat	25.89	96.06	99.31
Johor Bahru	28.01	99.89	99.77
Kluang	26.40	94.68	96.33
Kota Tinggi	26.62	94.20	95.46
Kulaijaya	24.32	98.67	99.26
Ledang	23.56	97.53	99.13
Mersing	23.75	89.43	91.52
Muar	24.07	97.36	98.74
Pontian	24.10	94.75	97.73
Segamat	23.01	95.14	96.43
Negeri Johor	24.97	97.51	98.55

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE (BUKIT BATU)
SOALAN 26 (A32)

Adakah kerajaan Johor dan PBT-PBT sudi memberi rebat atau diskaun cukai pintu kepada hartanah rumah, kedai komersial dan kilang yang jelas terjejas daripada kegawatan ekonomi sekarang?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Pengenaan cukai taksiran di PBT Negeri Johor adalah berdasarkan Seksyen 127 Akta Kerajaan 1976 [Akta 171] dan bayaran cukai harta adalah mengikut penggal iaitu 2 kali setahun sebagaimana Seksyen 133 iaitu :

“ 127. Kuasa untuk mengenakan kadar

Pihak berkuasa tempatan boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, dari semasa ke semasa sebagaimana difikirkan perlu, mengenakan sama ada secara berasingan atau sebagai suatu kadar yang disatukan, kadar atau kadar tahunan dalam sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan bagi maksud Akt aini atau bagi maksud lain yang mana adalah kewajipan pihak berkuasa tempatan itu menyempurnakannya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.”

“ 133. Lamanya Tempoh Kadar

Kadar yang disebutkan dalam Seksyen 127 dan Seksyen 128 hendaklah berterusan selama sesuatu tempoh tidak melebihi dua belas bulan dan hendaklah kena dibayar tiap-tiap setengah tahun terlebih dahulu oleh pemunya pegangan itu di pejabat pihak berkuasa tempatan atau di tempat lain yang ditetapkan dalam bulan Januari dan bulan Julai dan hendaklah ditaksirkan dan di levi mengikut cara yang diperuntukkan di dalam ini kemudian daripada ini”

PBT-PBT Negeri Johor telah pun menurunkan kadar cukai sebagaimana penguatkuasaan senarai nilai dan kadar cukai baru pada Tahun 2014 dan 2015 bagi 14 PBT kecuali Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) dan Lembaga Bandaran Johor Tenggara (LBJT). Pada tahun tersebut, MPKu masih belum cukup tempoh 5 tahun untuk melaksanakan kerja-kerja penilaian semula memandangkan MPKu telah menguatkuasakan senarai nilai dan cukai baru pada Tahun 2011. Manakala kerja-kerja penilaian semula bagi LBJT ditangguhkan kerana terdapat cadangan bagi penubuhan PBT Pengerang.

MPKu telah menguatkuasakan senarai nilai dan kadar cukai baru pada Tahun 2020 dan telah menurunkan kadar sebagaimana berikut :

BIL	PBT	JENIS PEGANGAN	KADAR CUKAI 2011 %	KADAR CUKAI 2020 %
1	MPKu	Kediaman	0.24	0.18
		Perniagaan	0.34	0.32
		Perindustrian	0.55	0.50

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

Manakala Penurunan Kadar Cukai oleh 14 PBT lain adalah sebagaimana berikut :

BIL	PBT	JENIS PEGANGAN	KADAR CUKAI 2014 %	KADAR CUKAI 2015 %
1	MBJB	Perumahan	0.13	0.12
		Perumahan Kos Rendah	0.13	0.11
		Perumahan Rizab Melayu	0.05	0.04
2	MPJBT	Rumah Murah	0.25	0.17
		Rumah Kos Sederhana	0.25	0.21
		Rumah Kos Sederhana	0.18	0.13
3	MPPG	Kediaman	0.14	0.13
		Perumahan	0.25	0.18
		Perdagangan	0.55	0.45
		Perindustrian	0.85	0.80
4	MPK	Tanah Pertanian	0.20	0.12
		Perindustrian	0.33	0.32
		Perdagangan	0.32	0.31
5	MPBP	Kediaman	0.23	0.22
		Industri	0.70	0.35
		Perdagangan	0.70	0.30
		Kediaman Kos Rendah	0.40	0.16
6	MPM	Kediaman	0.40	0.17
		Pertanian & Tanah Kosong	0.20	0.10
		Perumahan	0.30	0.20
		Perniagaan	0.50	0.30
		Perindustrian	1.0	0.65
		Pertanian	0.15	0.10
		Perumahan Rizab Melayu	0.15	0.10
		Perniagaan Rizab Melayu	0.25	0.15
7	MDP	Perindustrian Rizab Melayu	0.60	0.35
		Pertanian Rizab Melayu	0.075	0.05
		Perumahan	0.35	0.20
		Perumahan Kos Rendah	0.35	0.15
		Perumahan Rizab Melayu	0.18	0.10
		Perdagangan	0.50	0.34
8	MDT	Perindustrian	0.60	0.56
		Tanah	0.35	0.20
		Perumahan Kos Rendah	0.25	0.20
		Perumahan Rizab Melayu	0.125	0.10
		Perniagaan	0.50	0.45
9	MDS	Perindustrian	0.50	0.45
		Pertanian & Lot Kosong	0.10	0.08
		Kediaman	0.70	0.25
		Perniagaan	0.75	0.21
		Perindustrian	1.0	0.30
		Lot Kosong	0.70	0.25
		Pertanian	0.60	0.25

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

10	MDKT	Perumahan	0.20	0.14
		Perumahan Kos Rendah	0.15	0.13
		Perdagangan Rizab Melayu	0.10	0.08
		Harta Khas (Pos)	0.30	0.25
11	MDYP	Kediaman	0.25	0.23
12	MDSR	Perumahan	0.25	0.22
		Perumahan Kos Rendah	0.25	0.20
		Perdagangan Rizab Melayu	0.13	0.10
		Perdagangan	0.30	0.25
		Perindustrian	0.60	0.55
13	MDM	Pertanian	0.20	0.10
		Perindustrian	1.0/0.70	0.55/0.40
		Perniagaan	0.90/0.65	0.35/0.30
		Kediaman	0.70/0.60	0.25/0.20
		Kediaman Rizab Melayu	0.35/0.30	0.13/0.10
14	MDL	Pertanian	0.50/0.40	0.12/0.11
		Perumahan	0.30	0.20
		Perniagaan	0.50	0.25

Pada masa ini, PBT-PBT selain MPKU sedang melaksanakan kerja-kerja penilaian semula bagi semua pegangan bercukai di Kawasan masing-masing. Walau bagaimanapun, ianya dikaji semula disebabkan penularan wabak COVID-19. Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 7 Oktober 2020 telah memutuskan kerja-kerja penilaian semula boleh diteruskan tetapi penguatkuasaannya adalah tertakluk kepada keputusan kerajaan.

Sehingga 30 Jun 2021, jumlah pegangan di semua PBT Johor adalah sebanyak 1,210,554. Jumlah kutipan hasil cukai adalah sebanyak RM 562,909,016.92 iaitu 51.87% daripada anggaran keseluruhan sebanyak RM 1,085,062,597.16. Perincian bagi setiap PBT adalah sebagaimana berikut :

BIL	PBT	JUMLAH PEGANGAN SEHINGGA 30 JUN 2021	ANGGARAN KUTIPAN CUKAI 2021	JUMLAH SEBENAR KUTIPAN CUKAI SEHINGGA 30 JUN 2021
1	Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB)	333,717	340,247,154.14	176,619,970.69
2	Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP)	238,093	211,465,000.00	121,638,344.19
3	Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG)	90,756	135,824,997.00	65,754,023.00
4	Majlis Perbandaran Kulai (MPKu)	96,348	93,100,000.00	46,933,993.13
5	Majlis Perbandaran Muar (MPM)	81,654	37,733,527.00	20,301,079.16
6	Majlis Perbandaran Kluang (MPK)	80,386	53,886,900.00	27,230,995.52
7	Majlis Perbandaran Batu	73,759	51,322,000.00	24,494,818.00

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

	Pahat (MPBP)			
8	Majlis Perbandaran Segamat (MPS)	44,971	23,757,510.00	12,510,220.60
9	Majlis Perbandaran Pengerang (MPP)	18,173	35,945,527.00	14,396,415.54
10	Majlis Perbandaran Pontian (MPPn)	31,083	29,879,500.00	16,696,480.58
11	Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT)	28,552	18,745,442.00	9,105,139.29
12	Majlis Daerah Tangkak (MDT)	33,303	19,011,583.00	9,629,915.56
13	Majlis Daerah Yong Peng (MDYP)	19,325	13,578,000.00	7,101,480.13
14	Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR)	16,705	9,005,572.00	4,200,987.33
15	Majlis Daerah Mersing (MDM)	9,470	5,648,590.02	3,352,887.76
16	Majlis Daerah Labis (MDL)	14,259	5,911,295.00	2,942,266.44
	JUMLAH KESELURUHAN	1,210,554	1,085,062,597.16	562,909,016.92

Bagi meringankan beban rakyat yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 di dalam aspek pembayaran cukai harta, PBT-PBT telah melaksanakan beberapa pendekatan sebagaimana berikut :

1. Tidak mengenakan bayaran denda dan notis
2. Membenarkan bayaran secara ansuran
3. Tidak mengenakan apa-apa tindakan ke atas harta-harta yang mempunyai tunggakan cukai
4. Mempertimbangkan permohonan Remisi bagi harta-harta yang tidak diduduki, tidak beroperasi mengikut syarat-syarat di bawah Seksyen 162 Akta Kerajaan Tempatan 1976

Bagi Tahun 2020 pula, PBT telah mengalami penurunan kutipan hasil cukai sebanyak RM 98.73 Juta disebabkan penularan wabak COVID-19. Walaupun begitu, PBT tetap menyumbangkan 1% hasil cukai dan bukan cukai berjumlah RM 9.5 Juta bagi menyokong program-program kerajaan dan bantuan-bantuan kepada penduduk seperti menyediakan Gerobok Makanan, Bantuan Tunai, Bantuan Makanan, Bantuan Barang Keperluan Asas, Kursus-Kursus Kemahiran bagi menjana pendapatan dan Bantuan Persekolahan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 27 (A5)**

Apakah pelan tindakan Kerajaan Negeri bagi menangani penularan wabak COVID-19 dalam kalangan Orang Kena Tuduh (OKT) oleh pihak polis yang sering berlaku di Lokap Balai Polis Daerah Mersing?.

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

Setiap tangkapan yang dikendalikan oleh pihak polis akan menjalani penilaian risiko dan ujian COVID-19 terlebih dahulu bagi mengenal pasti OKT berisiko.

PDRM akan bekerjasama dengan Pejabat Kesihatan Daerah di dalam perkara ini, bagi memastikan tiada penularan yang berlaku di dalam lokap-lokap tahanan.

1. Seiringan dengan arahan–arahan yang telah dikeluarkan oleh pucuk pimpinan bersama dengan peruntukan undang-undang, berikut adalah pemakaian akta dan arahan berkaitan:-

- 1.1 Akta polis 1967 (akta 344),
- 1.2 Akta pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit 1988 [akta 342],
- 1.3 Kanun prosedur jenayah [akta 593],
- 1.4 Perintah pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit (pengisytiharan kawasan tempatan jangkitan) (pelanjutan kuasa 2020 p.u (a) 98 bertarikh 26 mac 2020),
- 1.5 Peraturan-peraturan pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit (langkah-langkah di dalam kawasan tempatan jangkitan) (cano.2) 2020 p.u 9a) 109 bertarikh 31 Mac 2020,
- 1.6 Kaedah-kaedah lokap 1953,
- 1.7 Ptkpn a118 — orang-orang tahanan dan lokap polis,
- 1.8 Arahan ketua polis negara bil. 80 (pindaan 1/2012) jaminan polis - kpn (pr) 35/12 bertarikh 23 february 2012,
- 1.9 Arahan pentadbiran bil: 1 1/2014 prosedur tetap operasi (sop) pengurusan lokap pdrm - kpn (pr) 63/4 bertarikh 1 julai 2014,
- 1.10 Langkah-langkah pencegahan jangkitan polis diraja malaysia,
- 1.11 Langkah pencegahan penularan wabak covid-19 di kalangan pesalah atau orang kena tuduh - kpn (pr) 44/32 bertarikh 25 mac 2020,
- 1.12 Arahan pjsj — garis panduan keselamatan pasukan tangkapan semasa melaksanakan tugas tangkapan terhadap individu yang disyaki dijangkiti penyakit berjangkit — jsj kpn (pr) 44/32 bertarikh 26 mac 2020; dan
- 1.13 Arahan pjsj — arahan reman berkaitan siasatan kes covid-19 — jsj kpn (pr) 44/32 bertarikh 30 mac 2020.

2. Tatacara Pengendalian Tahanan Lokap Bagi Tempoh Penularan Wabak Covid-19 yang Turut Dipatuhi Dan Di Gunakan Oleh IPD Mersing

2.1 Tahanan

2.1.1 Setiap tahanan dikehendaki mengisi borang perakuan sejarah covid-19.

2.2 Pengawal lokap

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

- 2.2.1 Menerima tahanan dan memastikan tahanan mandi bagi membersihkan badan dalam sel yang dikhaskan
- 2.2.2 Mengarahkan tahanan memasukkan pakaian dan harta benda ke dalam plastik yang diikat kemas untuk disimpan dalam almari penyimpanan barang tahanan.
- 2.2.3 Memberi pakaian lokap bersekali topeng muka (face mask) tahanan untuk dipakai
- 2.2.4 Membuat pengasingan sel bagi tujuan pengasingan diri (*self-quarantine*).
- 2.2.5 perlu melakukan pemeriksaan suhu badan menggunakan 'non-contact thermometer terhadap tahanan yang dibawa ke lokap.
- 2.2.6 sekiranya didapati **suhu badan tahanan adalah 38.0 c ke atas** serta mempunyai gejala *covid -19* seperti batuk / kesukaran bernafas / sakit tekak / sejarah perjalanan ke luar negara, pengawal lokap hendaklah **menolak penerimaan** tahanan tersebut dan menyerahkan semula tahanan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan selanjutnya.
- 2.2.7 sekiranya **suhu badan tahanan adalah kurang daripada 38.0 c** dan tidak mempunyai gejala *covid-19*, pengawal lokap hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:-
 - 2.2.7.1 menerima tahanan dan memastikan tahanan mandi bagi membersihkan badan dalam sel yang dikhaskan.
 - 2.2.7.2 mengarahkan tahanan memasukkan pakaian dan harta benda ke dalam plastik yang diikat kemas untuk disimpan dalam almari penyimpanan barang tahanan.
 - 2.2.7.3 memberi pakaian lokap bersekali topeng muka (*face mask*) kepada tahanan untuk dipakai.
 - 2.2.7.4 memasukkan tahanan ke dalam sel dan memastikan kedudukan tahanan berada dalam jarak 1 meter antara satu sama lain (buat penandaan jarak) tanpa gagal.

2.3. Pegawai penyiasat

- 2.3.1 membawa tahanan ke pusat kesihatan yang berhampiran dengan segera untuk ujian saringan *covid-19*. Pegawai penyiasat boleh mendapatkan bantuan eskot daripada ketua polis daerah.
- 2.3.2 menyerahkan semula tahanan kepada pengawal lokap sementara menunggu keputusan ujian saringan *covid - 19*.
- 2.3.3 menerima keputusan ujian saringan *covid-19*.
- 2.3.4 memaklumkan kepada pegawai penjaga lokap keputusan ujian saringan *covid-19* tahanan.

2.4 Pengawai Penjaga Lokap

- 2.4.1 membuat pertimbangan dengan kuasa budi bicara untuk dilepaskan dengan jaminan polis ataupun tidak bagi tahanan yang negatif (diarahkan oleh pihak kementerian kesihatan malaysia untuk dikuarantin) atau positif keputusan ujian saringan *covid-19* berdasarkan asas-asas berikut:-
- 2.4.2 kesalahan yang boleh dijamin (seksyen 387 kanun prosedur jenayah [akta 593]); atau

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

- 2.4.3 kesalahan yang tidak boleh dijamin boleh dilepaskan dengan jaminan. (seksyen 388 kanun prosedur jenayah [akta 593]).
- 2.4.4 sekiranya tahanan yang positif keputusan ujian saringan covid-19 tidak dilepaskan dengan jaminan, pegawai penjaga lokap hendaklah mengatur sentri di hospital di mana tahanan dirawat.

2.5 Jika tahanan mengalami gejala covid-19 berikut adalah tindakan dan tanggung jawab yang akan di lakukan.

Tahanan mengadu mengalami gejala covid 19 seperti demam / batuk / kesukaran bernafas / sakit tekak.

2.5.1 Pengawal Lokap

- 2.5.1.1 melakukan pemeriksaan badan menggunakan 'non-contact thermometer' terhadap tahanan.
- 2.5.1.2 sekiranya didapati suhu badan tahanan adalah 38 0 c ke atas / mempunyai gejala covid -19 seperti batuk / kesukaran bernafas / sakit tekak, pengawal lokap hendaklah memaklumkan kepada pegawai penjaga lokap.
- 2.5.1.3 membuat pengasingan sel bagi tujuan pengasingan diri (self-quarantine).

2.5.2 Pegawai Penjaga Lokap

- 2.5.2.1 memastikan tahanan dibawa ke pusat kesihatan yang berhampiran dengan segera untuk ujian saringan covid-19 dan memaklumkan kepada pesuruhjaya / ketua polis negeri.
- 2.5.2.2 menyerah semula tahanan kepada pengawal lokap sementara menunggu keputusan ujian saringan covid - 19.
- 2.5.2.3 membuat pertimbangan dengan kuasa budi bicara untuk dilepaskan dengan jaminan polis ataupun tidak bagi tahanan yang negatif (diarahkan oleh pihak kementerian kesihatan malaysia untuk dikuarantin) atau positif keputusan ujian saringan covid 19 berdasarkan asas-asas berikut:-
- i kesalahan yang boleh dijamin (seksyen 387 kanun prosedur jenayah [akta 593]); atau
 - ii kesalahan yang tidak boleh dijamin boleh dilepaskan dengan jaminan. (seksyen 388 kanun prosedur jenayah [akta 593])
- 2.5.2.4 sekiranya tahanan yang positif keputusan ujian saringan covid-19 tidak dilepaskan dengan jaminan, pegawai penjaga lokap hendaklah mengatur sentri di hospital di mana tahanan dirawat.

3 Kerjasama Dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Mersing.

- 3.1 dengan kerjasama kementerian kesihatan malaysia (kkm) mersing bersetuju dan bekerjasama dengan polis diraja malaysia (pdrm) dalam pelaksanaan saringan swab covid-19 ke atas tahanan di lokap pdrm sebagai langkah pencegahan dan kawalan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

penularan *covid-19*. Setiap tahanan baharu dikehendaki menjalani saringan swab *covid-19* terlebih dahulu sebelum diterima masuk ke dalam lokap dan tindakan-tindakan pelaksanaan seperti berikut:

- 3.1.1 menyediakan lokap transit/ sel transit di balai polis endau untuk tahanan baharu menjalani saringan swab *covid-19*.
- 3.1.2 membawa tahanan baharu ke klinik/ hospital yang terdekat bagi menjalani saringan swab *covid-19*, sekiranya jumlah tahanan lima atau kurang.
- 3.1.3 berhubung dengan pegawai focal point kesihatan daerah (pkd) bagi pengaturan petugas kesihatan menjalani saringan swab *covid-19* terhadap tahanan di lokap transit/ sel transit sekiranya jumlah tahanan melebihi lima orang.
- 3.1.4 orang kena tuduh(OKT) yang telah dilakukan ujian perlu diletakkan di sel atau ruang berasingan untuk tempoh 14 hari sebelum dibenarkan berada di tempat bersama OKT sedia ada. Sekiranya OKT didapati positif PKD akan menjalankan saringan terhadap kontak rapat. OKT di dalam sel selain dari sel yang terlibat dan tiada sejarah kontak rapat dengan kes positif *covid-19*, hanya akan disaring apabila bergejala. Kontak rapat yang di dapati, perlu diasingkan selama 14 hari dan tidak perlu menjalani ujian kedua kecuali bergejala.

4 Penghantaran Orang Kena Tuduh (OKT) Ke Penjara

- 4.1 bagi setiap OKT yang berstatus banduan perlu mendapat kebenaran daripada pihak penjara dahulu sebelum OKT tersebut dihantar ke penjara (pusat koreksional). Ini kerana pihak penjara perlu mengenal pasti sama ada penjara tersebut mampu menampung tahanan baharu berdasarkan kapasiti sedia ada. Jika sekiranya, pihak penjara mendapati kapasiti penjara tidak mampu untuk menampung tahanan baharu maka tahanan tersebut akan ditempatkan sementara di lokap transit balai polis endau.
- 4.2 proses dan tatacara kemasukan OKT yang berstatus banduan ke dalam lokap sementara adalah seperti mana di para 2 hingga 7.

STATISTIK TAHANAN POSITIF SARINGAN COVID-19 IPD MERSING BERTARIKH 1 JANUARI 2021 SEHINGGA 31 JULAI 2021

JUMLAH SARINGAN BANDUAN / OKT	BANDUAN POSITIF		OKT POSITIF	
	L	P	L	P
209	14	0	5	0

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN 28 (A112)

Mohon penjelasan tentang naik taraf 7 menara sedia ada dan operasi dengan liputan 4G di sekitar kawasan DUN Bukit Naning seperti di Kawasan Kg Paya Bakri, Parit Tengah, Parit Haji Hassan, Parit Hj Zin Mohamad dan Kg Parit Haji Karim.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Dibawah pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) fasa 1, sebanyak 2 buah menara baharu serta 39 alat pemancar sedia ada dirancang untuk dibina dan dinaik taraf bagi meningkatkan lagi liputan jalur lebar mudah alih 4G di kawasan DUN Bukit Naning. Sehingga Jun 2021, sejumlah 34 alat pemancar sedia ada telah pun siap dinaik taraf kepada perkhidmatan 4G. 4 alat pemancar yang masih dalam pelaksanaan untuk dinaik taraf adalah di Parit Tengah oleh Digi, di Parit Parit Haji Hassan dan Parit Hj Zin Mohamad oleh Maxis serta di Kg Parit Haji Karim oleh Celcom.

Fasa 2 JENDELA seterusnya akan memberi tumpuan untuk merapatkan jurang digital yang tidak tercapai ketika fasa 1 dengan pengenalan kepada teknologi “akses tanpa wayar tetap” (FWA) dan teknologi-teknologi lain yang bersesuaian

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)
SOALAN 29 (A34)

Apakah SOP keseluruhan yang ditetapkan bagi seseorang individu bukan kontak rapat yang disahkan positif Covid-19 melalui ujian RT-PCR (swab test)?

YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)
SOALAN 30 (A35)

Apakah SOP yang ditetapkan oleh MKN untuk tindakan kerajaan negeri bagi sesebuah kilang yang mencatatkan lebih 40 kes +ve Covid-19 dengan kes kematian melebihi 10 kes?

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN
(Jawapan bersekali untuk soalan A34 & A35)

- (1) Bagi negeri Johor, sekiranya seseorang disahkan positif (sama ada saringan sendiri/ di klinik) dan masih belum dirawat, individu tersebut dikehendaki mengambil langkah-langkah tersebut:
 - (i) mengisi maklumat seperti di pautan <https://tinyurl.com/vcacjohor>
 - (ii) **mengasingkan diri serta merta dan menjalani kuarantin sendiri di rumah** masing-masing.
 - (iii) Individu tersebut juga dikehendaki untuk **mengemas kini status semasa ujian di MySejahtera** untuk rujukan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM); dan
 - (iv) Sekiranya individu tersebut mengalami gejala yang semakin teruk, beliau dikehendaki untuk **menghubungi 999 atau datang terus ke hospital** untuk mendapatkan rawatan
- (2) Prosedur yang sama juga terpakai untuk individu bukan kontak rapat yang disahkan positif Covid-19 melalui ujian RT-PCR (swab test).
- (3) Pengisian maklumat di pautan tersebut adalah bagi memudahkan pihak Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) untuk mengambil tindakan selanjutnya dengan segera dan bagi mengelak kes terlepas pandang. Pengisian maklumat ini penting disebabkan negeri Johor sedang dalam tren peningkatan kes harian disamping itu juga, *COVID-19 Assessment Centre (CAC)* di seluruh negeri Johor mengalami kadar pengujian yang sangat tinggi.
- (4) Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) merupakan **agensi yang bertanggungjawab** bagi pengesanan individu positif COVID-19
- (5) Bagi Negeri Johor, SOP yang sedang berkuatkuasa pada masa ini adalah SOP Pelan Pemulihan Negara (Fasa 1) – Sektor Pengilangan Dan Pembuatan yang dikemaskini pada 9 Julai 2021.
- (6) Sekiranya ada penularan kes luar biasa, Pegawai Kesihatan Daerah (PKD) akan membuat penilaian risiko bagi menentukan tahap keseriusan penularan kes di sesuatu

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

kilang. Tindakan awalan yang dilaksanakan adalah seperti penutupan sebahagian/keseluruhan kilang dan juga mengeluarkan arahan Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (HSO).

- (7) Selain itu, dalam usaha untuk melancarkan pengurusan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di satu kawasan, Carta Alir Pengisytiharan dan Penamatan/Perlanjutan PKPD telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Keselamatan Negeri (JKKN) Khas Covid-19 Bil.19/2021 bertarikh 22 Julai 2021 seperti berikut:
- (i) Sekiranya berdasarkan penilaian risiko oleh Pegawai Kesihatan Daerah kilang terdapat keperluan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di kilang tersebut disebabkan penularan kes yang tinggi, PKD boleh mengusulkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) untuk mendapatkan persetujuan pelaksanaan PKPD di lokaliti/kilang/asrama di daerah tersebut melalui Mesyuarat JPBD Khas.
 - (ii) Kemudian hasil keputusan dari Mesyuarat JPBD Khas bagi cadangan PKPD tersebut akan dibawa untuk persetujuan Kerajaan Negeri Johor melalui Mesyuarat Teknikal PKPD yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Johor dan dihadiri oleh ahli Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) serta juga Pegawai Daerah yang terbabit.
 - (iii) Setelah dipersetujui di peringkat Kerajaan Negeri, cadangan PKPD tersebut akan dibawa ke Peringkat Kerajaan Persekutuan untuk diputuskan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)

SOALAN 31 (A86)

Adakah benar tiada pintu belakang untuk giliran vaksinasi kerana terdapat maklumat individu yang mempunyai kuota untuk mempercepatkan giliran vaksinasi, adakah ia sesuatu yang dibenarkan dan memang diketahui oleh pihak kerajaan?

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

Temu janji vaksinasi Covid di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan adalah dilaksanakan melalui aplikasi MySejahtera.

Pada fasa 2, golongan warga emas, berpenyakit dan orang kelainan upaya adalah golongan yang diberi keutamaan dalam pemberian vaksin.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 32 (A3)

Adakah kerajaan bersedia untuk menganjurkan kursus atau program kepada golongan belia supaya mereka boleh membuka perniagaan memandangkan ramai yang dibuang kerja kerana COVID-19?

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 33 (A135)

Mohon dinyatakan langkah kerajaan memberi insentif dan kursus bagi membantu serta mendidik lebih ramai usahawan khususnya di kalangan anak muda.

JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD
(Jawapan bersekali untuk soalan A3 & A135)

Izinkan saya menjawab persoalan Yang Berhormat Endau dan Yang Berhormat Parit Raja secara bersekali kerana ianya berkaitan dan menyentuh mengenai sektor keusahawan di negeri ini.

Pandemik COVID-19 mendorong kita, sama ada golongan muda atau dewasa menyesuaikan diri dengan teknologi digital termasuk bekerja dari rumah, pembelajaran secara maya dan pembelian barangan keperluan dalam talian bagi mematuhi semua prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang ditetapkan kerajaan untuk mengekang penularan virus maut ini.

Hikmah di sebalik pandemik COVID-19, kebanyakan komuniti perniagaan kini mula beralih menggunakan teknologi digital dalam aspek pemasaran mereka. Menerusi maklumat daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), dalam tempoh enam (6) bulan pertama tahun ini, sebanyak 79,274 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dilaporkan telah memanfaatkan platform e-dagang. Jumlah ini melebihi sasaran Kerajaan untuk melatih seramai 50,000 usahawan dalam bidang berkenaan dalam setahun.

Jabatan Perangkaan Malaysia juga melaporkan jualan runcit dalam talian mencatatkan peningkatan sebanyak 39.3 peratus pada bulan Mei berbanding 28.9 peratus pada April 2020. Johor E-Marketplace juga merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Johor dalam membantu golongan usahawan untuk terus maju menerusi perniagaan secara dalam talian, terutamanya semasa menghadapi cabaran pasca COVID-19. Usaha ini bakal memberi manfaat kepada lebih 3,000 usahawan di negeri ini serta jutaan pengguna platform e-dagang Shopee.

Menerusi PUJB, pelbagai kursus dianjurkan iaitu PUJB@Biz Talk yang dilaksanakan secara maya bagi memudahkan PKS mencapai maklumat yang berkaitan. Sehingga 1 Ogos, lebih 20 kursus telah dilaksanakan secara atas talian selain kursus secara fizikal dengan memberi manfaat lebih kepada 24,233 ribu penonton sepanjang siri ini berlangsung.

Bagi melengkapkan usaha digitalisasi, kerajaan Negeri Johor telah mewujudkan Johor Digital Economy Centre (JDEC) yang telah dilancarkan pada 31 Oktober 2020. JDEC berfungsi sebagai pusat Latihan yang komprehensif untuk memperkasakan PKS Johor ke arah digitilisasi serta pasaran antarabangsa. Seiring dengan penubuhan JDEC dijangkakan akan ada lebih

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

banyak lagi aktiviti perniagaan dan ekonomi di Negeri Johor dengan menggunakan aplikasi teknologi tinggi, seperti Kecerdasan Buatan (AI), drone, dan IoT sejajar dengan ledakan Revolusi 4.0 di negara ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 34 (A163)

Minta nyatakan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Teknikal dan agensi-agensi Kerajaan Negeri dalam menguruskan isu kehilangan pekerjaan ketika cabaran pandemik Covid-19.

JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD

Bagi menjawab soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Panti dan bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat. Kerajaan sentiasa memandang serius isu kehilangan pekerjaan ketika cabaran Pandemik COVID19 dan telah mengambil langkah proaktif dan holistik bagi menangani isu tersebut. Antara usaha kerajaan yang telah dizahirkan bagi tujuan tersebut adalah dengan mewujudkan peruntukkan khas dalam Belanjawan 2021 menerusi Agenda Modal Insan Johor.

Kerajaan negeri menerusi Unit Strategik Modal Insan (SMI) turut dalam usaha menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Modal Insan yang berperanan sebagai 'focal point' bagi sektor modal insan negeri ini. Proses penubuhan jawatankuasa ini berada dalam status akhir penyediaan T.O.R. Ianya dijangka akan diselesaikan pada Oktober 2021.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 35 (A166)

Minta nyatakan bentuk bantuan atau elaun kepada atlet Orang Kelainan Upaya (OKU) di negeri Johor.

JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Pihak Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor secara dasarnya tidak menyediakan peruntukan khusus bagi elaun atlet Orang Kurang Upaya (OKU). Namun begitu, pada tahun 2020, pihak KBS telah melaksanakan **Program Inisiatif Prihatin Sukan (IPS) 2020-IPS20A** yang berakhir pada 31 Mac 2021.

Sebanyak 41 buah persatuan sukan yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan dalam Negeri Johor telah menerima bantuan pentadbiran secara *one-off* berjumlah RM2000 bagi setiap persatuan di bawah Program 2020-IPS20A dan **tiga daripadanya adalah Persatuan Sukan OKU** iaitu:

- a. Persatuan Sukan dan Rekreasi Orang Kurang Upaya Negeri Johor;
- b. Persatuan Catur Orang Kurang Upaya Negeri Johor; dan
- c. Persatuan Sukan Orang Pekak Negeri Johor

Sebagai tanda penghargaan kepada atlet para yang telah mengharumkan nama Negeri Johor di peringkat Kebangsaan dan antarabangsa sepanjang tahun 2018, **Kerajaan Negeri Johor telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 355,200.00 pada tahun 2020 bagi Penganjuran Majlis Penghargaan dan Penyampaian Insentif Atlet Para Johor**. Majlis tersebut telah diadakan pada 3 Jun 2020 yang melibatkan 68 orang atlet Kejohanan Paralimpik 2018, 7 orang atlet Asian Para Game Jakarta 2018 serta 1 orang atlet Sukan Komanwel Gold Coast 2018 yang telah menerima insentif seperti berikut:

a. Kategori individu

- i. Emas : RM 3000.00
- ii. Perak : RM 2000.00
- iii. Gangsa : RM 1500.00

b. Kategori berkumpulan

- i. Emas : RM 2000.00/ seorang
- ii. Perak : RM 1500.00/ seorang
- iii. Gangsa : RM 1000.00/ seorang

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR (SEMERAH)
SOALAN 36 (A103)

Berapakah jumlah peruntukan keseluruhan untuk Jabatan Kesihatan Johor bagi tahun 2021 dan pecahan mengikut bahagian dan daerah serta berapakah yang telah dibelanjakan setakat Julai 2021 dan keutamaan Jabatan Kesihatan Johor.

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

Jumlah peruntukan keseluruhan Jabatan Kesihatan Negeri Johor bagi tahun 2021 ialah sebanyak **RM 2,260,113,171**.

**LAPORAN PRESTASI KESELURUHAN BELANJA MENGURUS (B42)
SEHINGGA JUN 2021**

PERIHAL	TAHUN 2021 (RM)	TAHUN 2020 (RM)
PERUNTUKAN	2,260,113,171	2,195,311,898
PERBELANJAAN SEBENAR	1,265,676,681	1,281,400,345
TANGGUNGAN	55,473,101	88,543,368
% PERBELANJAAN	56.00%	58.37%
% PERBELANJAAN & TANGGUNGAN	58.46%	62.40%
BAKI PERUNTUKAN	938,963,389	825,368,185
% BAKI PERUNTUKAN	41.54%	37.60%

**PRESTASI BELANJA KESELURUHAN NEGERI
SEHINGGA JUN 2021**

Program	OA	Peruntukan Dipinda (RM)	Perbelanjaan (RM)	%	Tanggung Belum Selesai (RM)	%	Baki Masih Ada (RM)	Belanja & Tanggung %
Pengurusan (010000)	10000	6,574,000.00	3,528,980.03	53.68	3,750.00	0.08	3,041,269.97	53.74
	20000	13,818,350.00	5,940,023.08	42.99	1,485,909.91	10.75	6,392,417.01	53.74
	30000	950,000.00	565,504.30	59.53	198,614.60	20.91	185,881.10	80.43
	40000	100,000.00	38,580.00	38.58	-	-	61,420.00	38.58
	50000	3,180.00	-	-	-	-	3,180.00	-
	JUMLAH		21,445,530.00	10,073,087.41	46.97	1,688,274.51	7.87	9,684,168.08
Perubatan (020000)	10000	977,938,000.00	547,979,050.47	56.03	323,038.00	0.03	429,635,911.53	56.07
	20000	108,187,917.00	56,078,390.50	51.83	11,734,882.68	10.85	40,374,643.82	62.88
	JUMLAH	1,086,125,917.00	604,057,440.97	55.62	12,057,920.68	1.11	470,010,555.35	56.73
Kesihatan Awam (030000)	10000	396,155,000.00	235,391,377.32	59.42	61,830.00	0.02	180,701,792.68	59.43
	20000	53,073,400.00	23,132,838.10	43.59	5,333,919.21	10.05	24,606,642.69	53.64
	JUMLAH	449,228,400.00	258,524,215.42	57.55	5,395,749.21	1.20	185,308,435.37	58.75

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

**PRESTASI BELANJA KESELURUHAN
PROGRAM PERUBATAN BAGI 0A2000 SEHINGGA JUN 2021
(AKTIVITI 020100-023000)**

BIL.	Nama PTJ	Peruntukan Dipinda	Perbelanjaan Bersih	Tanggungjawab	Baki Masih Ada	%Belanja
1	HSAJB	19,418,502.00	10,455,215.14	1,775,658.94	7,187,627.92	62.99
2	HP&FM	8,783,553.00	5,070,320.35	1,282,095.57	2,411,137.08	72.49
3	H&NI	13,317,151.00	7,229,843.62	1,251,429.19	4,836,078.19	63.89
4	HEBHK	9,758,479.00	6,387,753.38	756,189.53	2,634,536.11	73.00
5	H&GMT	6,310,241.00	3,227,342.52	521,402.84	2,561,495.64	59.41
6	HPNTN	1,905,532.00	1,011,443.41	187,945.94	706,142.65	62.94
7	HKT	2,851,032.00	1,422,193.48	446,838.41	782,000.11	70.50
8	HMR&G	2,430,299.00	1,389,588.77	280,957.86	799,752.37	67.09
9	HTGK	1,231,912.00	657,696.91	127,731.68	446,483.41	63.78
10	H&TMTI	2,573,295.00	1,486,930.88	163,788.84	942,575.48	63.37
11	PERMAI	9,872,840.00	5,975,101.95	980,906.94	2,736,831.11	71.71
12	H&JB	19,283,097.00	11,756,295.75	3,989,374.43	3,517,426.82	81.74
13	JKNJ	10,891,984.00	68,864.56	10,562.51	10,812,556.93	0.73
JUMLAH BESAR (RM)		108,187,917	56,078,391	11,734,883	40,374,644	62.68

**PRESTASI BELANJA KESELURUHAN
PROGRAM KESIHATAN AWAM BAGI 0A2000 SEHINGGA JUN 2021
(AKTIVITI 030100-030600)**

BIL.	Nama PTJ	Peruntukan Dipinda	Perbelanjaan Bersih	Tanggungjawab	Baki Masih Ada	%Belanja
1	PKD Johor Bahru	13,960,863.16	6,234,881.63	1,352,629.59	6,373,351.94	54.35
2	PKD Muar	4,540,300.00	2,404,239.72	661,507.17	1,474,553.11	67.52
3	PKD Batu Pahat	3,974,820.00	2,407,708.84	318,465.96	1,248,445.20	68.59
4	PKD Kluang	3,984,750.00	1,713,925.63	247,711.48	2,023,112.89	49.23
5	PKD Segamat	3,602,350.00	1,718,985.10	192,352.24	1,691,032.66	53.06
6	PKD Pontian	3,453,150.00	1,464,144.31	226,793.33	1,762,212.36	48.97
7	PKD Kota Tinggi	4,590,770.00	2,333,856.69	471,051.38	1,785,861.93	61.10
8	PKD Mersing	2,009,490.00	858,090.01	139,059.15	1,012,340.84	49.62
9	PKD Tangkak	2,216,850.00	1,102,477.44	64,650.84	1,049,521.72	52.65
10	PKD Kulai	3,120,408.00	1,174,777.78	713,709.36	1,231,920.86	60.52
11	MKA	1,127,910.00	693,920.29	139,116.14	294,873.57	73.86
12	Hospital	473,200.00	222,474.25	39,363.48	211,362.27	55.33
13	JKN KA	6,018,938.84	803,376.41	767,509.09	4,448,053.34	26.10
JUMLAH		53,073,400.00	23,132,838.10	5,333,919.21	24,606,642.69	53.64

Hospital: Aktiviti 030200 Pemb.Kesihatan Keluarga & 030600 Pendidikan Kesihatan

6

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

**PRESTASI BELANJA KESELURUHAN NEGERI
SEHINGGA JUN 2021**

Program	OA	Peruntukan Dipinda (RM)	Perbelanjaan (RM)	%	Tanggungan Belum Selesai (RM)	%	Baki Masih Ada (RM)	Belanja & Tanggungan %
Program Khusus (080000)	20000	448,278,718.00	260,412,986.01	58.09	26,399,239.82	5.89	161,466,492.17	63.98
	30000	1,796,850.00	477,640.00	26.58	469,022.50	26.10	850,187.50	52.68
	40000	1,235,933.00	1,108,503.18	89.69	-	-	127,429.82	89.69
	JUMLAH	451,311,501.00	261,999,129.19	58.05	26,868,262.32	5.95	162,444,109.49	64.01
Komitmen Kewangan (990100)	20000	148,362,957.39	78,160,655.52	52.68	4,723,818.63	3.18	75,952,225.85	55.87
	JUMLAH	148,362,957.39	78,160,655.52	52.68	4,723,818.63	3.18	75,952,225.85	55.87
JUMLAH KESELURUHAN		2,260,113,171.39	1,265,676,680.68	56.00	55,473,101.39	2.45	949,422,641.93	58.46

**PRESTASI BELANJA KESELURUHAN
PROGRAM PERGIGIAN BAGI BAGI OA20000 SEHINGGA JUN 2021
(AKTIVITI 040100-040400)**

BIL.	Nama PTJ	Peruntukan Dipinda	Perbelanjaan Bersih	Tanggungan	Baki Masih Ada	% Belanja
1	PPD Johor Bahru	1,324,485.00	484,388.18	180,968.88	679,150.14	48.72
2	PPD Muar	271,625.00	144,273.68	19,320.20	108,031.12	60.23
3	PPD Batu Pahat	455,400.00	203,555.43	123,223.11	128,821.48	71.78
4	PPD Kluang	387,638.90	171,405.20	38,329.48	179,902.24	53.59
5	PPD Segamat	339,625.00	113,072.23	64,883.60	161,889.17	52.39
6	PPD Pontian	221,020.00	93,554.00	29,992.54	97,473.46	55.90
7	PPD Kota Tinggi	208,000.00	127,687.24	13,347.80	64,964.96	68.48
8	PPD Mersing	149,000.00	67,058.37	25,888.37	56,057.26	62.38
9	PPD Tangkak	179,000.00	89,931.73	7,033.80	82,034.47	54.17
10	PPD Kulai	106,000.00	55,102.89	17,988.70	32,908.41	68.95
11	TPKN (0)	371,708.00	118,291.51	53,953.44	199,483.05	48.34
JUMLAH BESAR		4,011,499.90	1,668,296.46	662,907.70	1,790,296.74	66.37

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

**PRESTASI BELANJA KESELURUHAN NEGERI
SEHINGGA JUN 2021**

Program	OA	Peruntukan Dipinda (RM)	Perbelanjaan (RM)	% Tanggung Belum Selesai (RM)	%	Baki Masih Ada (RM)	Belanja & Tanggung %	
Kesihatan Pergigian (040000)	10000	73,324,000.00	41,134,589.96	56.10	1,280.00	0.00	32,188,130.04	56.10
	20000	4,011,500.00	1,668,296.46	41.59	552,907.70	13.78	1,790,295.84	55.37
	JUMLAH	77,335,500.00	42,802,886.42	55.35	554,187.70	0.72	33,978,425.88	56.06
Perkhidmatan Farmasi (050000)	10000	10,978,000.00	6,052,027.88	55.13	-	-	4,925,972.14	55.13
	20000	1,242,100.00	422,846.36	34.04	141,082.15	11.36	678,171.49	45.40
	JUMLAH	12,220,100.00	6,474,874.22	52.99	141,082.15	1.15	5,604,143.63	54.14
Penyelidikan Dan Sokongan Teknikal (060000)	20000	7,960,892.00	1,641,338.53	20.62	2,775,398.46	34.86	3,529,665.01	55.48
	30000	1,782,774.00	3,800.00	0.21	1,143,474.00	64.14	635,500.00	64.35
	JUMLAH	9,743,666.00	1,645,138.53	16.88	3,918,872.46	40.22	4,165,165.01	57.10
Keselamatan dan Kualiti Makanan (070000)	10000	3,116,000.00	1,628,102.34	52.25	-	-	1,487,897.66	52.25
	20000	1,223,600.00	311,150.66	25.43	124,933.73	10.21	787,515.61	35.64
	JUMLAH	4,339,600.00	1,939,253.00	44.69	124,933.73	2.88	2,275,413.27	47.57

3

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN MUHAMMAD TAQUIDDIN BIN CHEMAN (PULAI SEBATANG)

SOALAN 37 (A192)

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi mengatasi masalah pembuangan sampah yang tidak terkawal di kawasan tidak bercukai terutama di kampung-kampung?.

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

Di bawah Program Ameniti Sosial (PAMS), KPLB prihatin dan telah mengambil inisiatif memasukkan skop baharu, iaitu pembinaan rumah sampah di kawasan luar bandar. Sebarang permohonan boleh dikemukakan kepada Pejabat KPLB Negeri Johor, dengan mengambil kira ketersediaan lokasi tapak binaan kerana program ameniti sosial adalah berbentuk projek kecil yang tidak melibatkan proses pengambilan balik tanah.

Pelaksanaan projek ini hanya melibatkan pembangunan infrastruktur rumah sampah tersebut. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pungutan dan pelupusan sampah/sisa domestik adalah di luar bidang kuasa KPLB.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN HAJI RASMAN BIN HAJI ITHNAIN (SEDILI)

SOALAN 38 (A26)

Mohon Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk memberi hakmilik ke atas rumah Program Bantuan Rumah (PBR) di Taman Sinar Sedili dengan cara sewa beli.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) adalah program di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB). Bantuan yang ditawarkan adalah bina rumah baru danbaiki rumah sedia ada. peserta juga perlu mendapat kebenaran untuk membaik pulih sekiranya dia berada di atas tanah milik orang lain / tanah milik sebahagian / tanah kerajaan.

PPRT Taman Sinar Sedili adalah pembangunan perumahan satu tingkat bertanah berjumlah 100 unit yang dilengkapi pelbagai kemudahan, termasuk balai raya, dewan, gelanggang futsal dan taman permainan kanak-kanak. PPRT ini siap pada tahun 2017, dengan keluasan 18.447 ekar telah dibangunkan di atas sebahagian tanah di PTD1749, Mukim Sedili Besar yang berkeluasan 150.0 ekar milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI). Tanah ini telah dikurniakan kepada SSI sebagaimana MMK R/M Bil.499/2013 bertarikh 26.3.2013.

Permohonan untuk diberi hakmilik di PPRT Taman Sinar Sedili, perlulah dilihat kepada perancangan sedia ada SSI sebagai pemilik tanah dan kemudian diangkat kepada kerajaan negeri untuk pertimbangan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)
SOALAN 39 (A57)

Berapa keluarga mengikut daerah telah mendapat manfaat melalui Program Gobok Rezeki negeri Johor?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Tenggaroh**, jumlah keluarga yang telah mendapat manfaat menerusi bantuan program Gobok Rakyat Johor sehingga 31 Julai 2021 adalah seramai 93,211 orang.

Pecahan keluarga yang menerima bantuan mengikut daerah adalah sebagaimana berikut:

Di daerah Johor Bahru penerima manfaat bantuan program Gobok Rakyat adalah seramai 10,644 penerima; Muar seramai 7,319 penerima; Batu Pahat seramai 7,657 penerima; Kluang seramai 7,169 penerima; Kota Tinggi seramai 13,349 penerima; Mersing seramai 8,875 penerima; Pontian seramai 9,979 penerima; Segamat seramai 10,611 penerima; Kulai seramai 9,825 penerima dan Tangkak seramai 7,783 penerima.

Inisiatif berkenaan membolehkan orang ramai mengambil makanan atau barangan keperluan asas yang disediakan di pusat-pusat Gobok Rakyat Johor mengikut daerah masing-masing.

Untuk makluman, inisiatif ini menyasarkan golongan asnaf, fakir, B40 dan M40 atau yang terputus bekalan makanan dan barangan keperluan akibat pandemik Covid-19.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)
SOALAN 40 (A37)

Apakah rasional pihak kerajaan menyalurkan bantuan makanan Gobok Rakyat melalui Pejabat-pejabat Penghulu Mukim serta Pejabat Daerah dan tidak melalui ketua-ketua kampung yang dilantik pihak kerajaan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Serom**, bantuan makanan Gobok Rakyat Johor dilaksanakan bertujuan untuk membantu meringankan beban rakyat negeri ini yang kini terkesan akibat pandemik Covid-19.

Program ini menyasarkan kepada golongan asnaf, fakir, B40 dan M40 atau kepada golongan yang terputus bekalan makanan dan barangan keperluan akibat pandemik Covid-19.

Lokasi Gobok Rakyat telah dipilih berdasarkan kesesuaian dan kemudahan masyarakat yang memerlukan di dalam kawasan Mukim–mukim di setiap daerah untuk akses ke lokasi tersebut.

Lokasi Gobok Rakyat juga tidak tertakluk kepada Kompleks Penghulu sahaja, di mana terdapat beberapa daerah yang menggunakan kemudahan infrastruktur lain untuk menjayakan program ini.

Berikut merupakan pecahan mengikut daerah bagi penggunaan infrastruktur selain Kompleks Penghulu:

Daerah Johor Bahru:

- Balairaya Kg. Pok, Johor Bahru
- Dewan Hassan Abdullah Kg. Pasir
- Dewan Kempas Baru
- Dewan Komuniti Kg. Dato' Sulaiman Menteri

Daerah Batu Pahat:

- Pejabat Daerah Batu Pahat
- Majlis Perbandaran Batu Pahat
- Majlis Daerah Yong Peng
- Pejabat Tanah Kecil Rengit

Daerah Kluang:

- Pejabat Penghulu Mukim Kluang
- Balairaya Kampung Perak, Machap
- Bangunan Kejora Taman Sri Lambak

Daerah Kota Tinggi:

- Pejabat Daerah Kota Tinggi
- No P 209 (C) Pekan Pengerang, 81600, Pengerang
- No 28. Blok 2 Felda Tenggaroh Selatan 1

Daerah Mersing:

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

- Bilik Kebudayaan Daerah Mersing, Jalan Ibrahim
- Pejabat Belia Felda Tenggaroh

Daerah Segamat:

- Balairaya Kampung Sg. Gatom
- Bangunan Kejora Taman Buloh Kasap
- Balai Raya Taman Sri Chaah (Mukim Chaah)
- Dewan Serbaguna Pekan Jabi (Mukim Sg. Segamat)
- Dewan Sebaguna Kg. Logah (Mukim Sg. Segamat)

Daerah Kulai:

- Bilik Gerakan Penduduk, Rumah Pangsa Kulai
- Bilik Gerakan KRT, Flat Temenggong
- Bilik Gerakan Penduduk, Flat Cengal, Taman Putri
- Bilik Gerakan KOSPEN, Surau Taman Pancasila
- Pusat Sumber KEMAS, Taman Dawani, Senai
- Pejabat JPKK Kg Pertanian, Kg. Pertanian
- Pejabat JPKK Kg. Felda Taib Andak, FTA
- Balairaya Taman Seri Senai, Senai
- Balairaya Taman Bahagia, Senai
- Balairaya Taman Cantik, Kulai
- Pusat Gobok Kasih Kg Rahmat
- Pusat Komuniti Kg Sri Paya
- Balairaya Kg Melayu Bukit Batu
- Balairaya Murnijaya
- Balairaya Felda Inas
- Balairaya Sri Muar
- Dewan Felda Bkt Permai

Daerah Tangkak

- Pejabat Daerah Tangkak

Untuk makluman **Yang Berhormat Serom** juga dari segi logistik, pejabat-pejabat Penghulu Mukim dan Pejabat Daerah merupakan lokasi yang sesuai untuk menyimpan bekalan barang-barang keperluan dan akan mengurangkan kos logistik sekaligus dapat memudahkan operasi, pengurusan dan pemantauan serta pelaporan PGM dilaksanakan.

Dari segi penglibatan Ketua-ketua Kampung sebagai Ketua PGM bersama agensi kerajaan bagi memastikan kelancaran operasi Gobok Makanan di lokasi program.

Ketua Kampung juga bertanggungjawab mear-warkan dan memberitahu kepada masyarakat tentang program Gobok Makanan ini supaya golongan yang terkesan dengan PKP ini mendapat makluman dan bantuan.

Selain itu, terdapat juga daerah yang memerlukan cop pengesahan dari Ketua Kampung sebelum barang-barang keperluan disalurkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

Selain itu, Southern Volunteers juga turut terlibat didalam menjayakan PGM ini. Penglibatan Southern Volunteers adalah merangkumi pendaftaran, menyusun barang-barang keperluan di lokasi Gobok Makanan dan membuat pengagihan barang kepada penerima- penerima.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)
SOALAN 41 (A38)

Apakah alasan-alasan pihak kerajaan negeri dan persekutuan menanggung bayaran dan tidak membayar elaun ketua-ketua kampung sehingga tertunggak memasuki 4 bulan dan jumlah elaun hanya RM400 susut terlalu jauh dari yg diberikan kerajaan PH yang lalu?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Serom**, Kerajaan Johor memperuntukkan sebanyak RM900 untuk elaun ketua kampung, di mana RM400 adalah daripada peruntukan kerajaan negeri, manakala RM500 merupakan peruntukan dari kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

Seramai 639 ketua kampung telah dilantik oleh kerajaan negeri berkuat kuasa 1 Mac 2021 bagi penggal 2021/2022. Pemberian elaun RM400 bagi ketua kampung yang dilantik akan diteruskan menggunakan peruntukan kerajaan negeri sehingga ke hari ini.

Bagi peruntukan daripada kerajaan Persekutuan pula, kerajaan negeri telah pun menghantar perakuan muktamad Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) kepada KPLB untuk disalurkan ke dalam akaun Kumpulan Wang Amanah Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) – Ketua Kampung.

Penyaluran oleh pihak KPLB akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

Untuk makluman dewan yang mulia, kerajaan negeri akan membayar elaun ketua kampung secara tunggakan mengikut tarikh lantikan bermula Mac 2021 sehingga Ogos 2021.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)
SOALAN 42 (A13)

Adakah kempen ubahsyarat tanah secara "fast track" akan dilanjutkan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Pentadbiran Tanah Johor telah melaksanakan 'Fast Track Nil' bermula 09 Januari 2020 sehingga 30 Jun 2021. Tujuan pelaksanaan 'Fast Track Nil' adalah untuk menggalakkan mana-mana tanah yang masih tertakluk kepada penggunaan di bawah Seksyen 53 kanun Tanah Negara, iaitu tanah-tanah yang diberimilik sebelum KTN berkuat kuasa supaya dikenakan kategori dan syarat nyata tanah selaras dengan peruntukan Seksyen 52 Kanun Tanah Negara.

Kebanyakan hak milik yang dikurniakan sebelum 1965 (berkuat kuasanya KTN) adalah berstatus *NIL*.

Melalui 'Fast Track Nil' ini juga tanah-tanah *NIL* akan dikenakan kategori dan syarat kegunaan tanah sebenar atas tanah samada Kategori Pertanian, kategori Bangunan (Kediaman) dan Kategori Industri.

Untuk makluman **Yang Berhormat Senai**, pelaksanaan 'Fast Track Nil' ini adalah untuk menggalakkan permohonan pengenaan kategori dan syarat nyata tanah daripada *NIL* kepada kategori kegunaan sebenar di atas tanah yang telah dimulakan melalui penetapan kadar cukai yang lebih tinggi bagi tanah-tanah kategori dan syarat *NIL*.

Berdasarkan rekod sehingga 30 Jun 2021 sebanyak 12,907 permohonan diterima berbanding 35,944 hak milik berstatus *Nil* dan ini membawa kepada 36% hak milik yang telah dikenakan syarat nyata tanah mengikut aktiviti sebenar di atas tanah.

TAHUN	BIL PERMOHONAN
2020	12,438
Kedudukan sehingga 30 Jun 2021	469
JUMLAH	12,907

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)
SOALAN 43 (A15)

Mohon penjelasan tentang bantuan Ihsan Johor mengikut daerah masing-masing?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Senai**, Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 3.0 yang disalurkan oleh Kerajaan Johor adalah pelengkap kepada inisiatif dan bantuan disalurkan kerajaan Persekutuan serta kesinambungan daripada PRE Ihsan Johor 1.0 dan PRE Ihsan Johor 2.0 yang telah pun disalurkan sejak tahun lalu.

Agihan bantuan PRE Ihsan Johor bersifat bersasar dan menyeluruh, merangkumi seluruh negeri Johor, di mana agihan bantuan ini adalah bergantung kepada jumlah sasaran penerima yang layak menerima bantuan mengikut taburan golongan penerima.

Untuk makluman dewan yang mulia, pemberian bantuan Baucar Barangan B40 (isi rumah) dilaksanakan mengikut daerah, di mana jumlah keseluruhan agihan bantuan adalah kepada 300 ribu penerima.

Manakala untuk rekod golongan kehilangan pekerjaan seluruh negeri Johor adalah seramai 3,583 orang.

Pecahannya adalah seperti berikut:

Bagi daerah Johor Bahru, agihan baucar barangan B40 mengikut isi rumah adalah seramai 115,787 penerima, di mana direkodkan juga kehilangan pekerjaan seramai 2,780 orang. Data ini diikuti oleh daerah Batu Pahat dengan 38,360 agihan bantuan baucar barangan B40 dengan 202 orang kehilangan pekerjaan.

Daerah Kluang pula menerima agihan bantuan baucar barangan melibatkan seramai 28,788 isi rumah dengan rekod seramai 139 orang kehilangan pekerjaan. Bagi daerah Muar pula, seramai 23,920 penerima telah menerima agihan bantuan baucar barangan B40 dengan rekod golongan yang hilang pekerjaan adalah seramai 123.

Di daerah Segamat pula, seramai 86 orang telah hilang pekerjaan, manakala agihan bantuan baucar barangan B40 telah pun diagihkan kepada 22,109 isi rumah. Daerah kulai pula mencatatkan seramai 85 orang telah hilang pekerjaan dengan agihan bantuan baucar barangan B40 yang berjaya diagihkan adalah 20,448 isi rumah.

Daerah Kota Tinggi seramai 17,847 isi rumah telah menerima bantuan baucar barangan B40 dengan rekod seramai 69 orang telah hilang pekerjaan. Di daerah Pontian pula, seramai 15,561 isi rumah telah menerima bantuan baucar barangan B40 dengan rekod seramai 36 orang telah hilang pekerjaan.

Bagi daerah Mersing dan Tangkak, masing-masing merekodkan golongan kehilangan pekerjaan seramai 12 dan 11 orang. Manakala bagi bantuan baucar barangan B40, seramai 6,983 isi rumah dan 10,197 isi rumah telah menerima bantuan baucar barangan B40.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)
SOALAN 44 (A16)

Adakah kerajaan akan memberi diskaun untuk cukai tanah dan cukai harta?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Kerajaan Johor bersetuju untuk melanjutkan tempoh bayaran cukai tanah bagi tahun 2021 yang berakhir pada 31 Mei 2021 dilanjutkan sehingga 30 September 2021.

Pemberian rebat sebanyak 10 peratus turut diberikan kepada semua pembayar cukai tanah yang menjelaskan cukai tanah dalam tempoh yang ditetapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senai, kerajaan Johor telah memutuskan agar kadar cukai di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negeri diturunkan sebagaimana penguatkuasaan senarai nilai dan kadar cukai baru pada Tahun 2014 dan 2015 bagi 14 PBT dan Tahun 2020.

Antara jenis pegangan yang terlibat dengan penurunan kadar cukai Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) adalah:

Penurunan Kadar Cukai oleh MPKU :

BIL	PBT	JENIS PEGANGAN	KADAR CUKAI 2011 (%)	KADAR CUKAI 2020 (%)
1	MPKu	Kediaman	0.24	0.18
		Perniagaan	0.34	0.32
		Perindustrian	0.55	0.50

Selain itu, 14 PBT lain turut terlibat dengan penurunan kadar cukai sepertimana senarai berikut:-

BIL	PBT	JENIS PEGANGAN	KADAR CUKAI 2014 (%)	KADAR CUKAI 2015 (%)
1	MJB	Perumahan	0.13	0.12
		Perumahan Kos Rendah	0.13	0.11
		Perumahan Rizab Melayu	0.05	0.04
2	MPJBT	Rumah Murah	0.25	0.17
		Rumah Sederhana Kos	0.25	0.21
		Rumah Sederhana Kos	0.18	0.13
		Kediaman	0.14	0.13
3	MPPG	Perumahan	0.25	0.18
		Perdagangan	0.55	0.45
		Perindustrian	0.85	0.80
		Tanah Pertanian	0.20	0.12

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

4	MPK	Perindustrian	0.33	0.32
		Perdagangan	0.32	0.31
		Kediaman	0.23	0.22
5	MPBP	Industri	0.70	0.35
		Perdagangan	0.70	0.30
		Kediaman Kos Rendah	0.40	0.16
		Kediaman	0.40	0.17
		Pertanian & Tanah Kosong	0.20	0.10
6	MPM	Perumahan	0.30	0.20
		Perniagaan	0.50	0.30
		Perindustrian	1.0	0.65
		Pertanian	0.15	0.10
		Perumahan Rizab Melayu	0.15	0.10
		Perniagaan Rizab Melayu	0.25	0.15
		Perindustrian Rizab Melayu	0.60	0.35
Pertanian Rizab Melayu	0.075	0.05		
7	MDP	Perumahan	0.35	0.20
		Perumahan Kos Rendah	0.35	0.15
		Perumahan Rizab Melayu	0.18	0.10
		Perdagangan	0.50	0.34
		Perindustrian	0.60	0.56
		Tanah	0.35	0.20
8	MDT	Perumahan Kos Rendah	0.25	0.20
		Perumahan Rizab Melayu	0.125	0.10
		Perniagaan	0.50	0.45
		Perindustrian	0.50	0.45
		Pertanian & Lot Kosong	0.10	0.08
9	MDS	Kediaman	0.70	0.25
		Perniagaan	0.75	0.21
		Perindustrian	1.0	0.30
		Lot Kosong	0.70	0.25
		Pertanian	0.60	0.25
10	MDKT	Perumahan	0.20	0.14
		Perumahan Kos Rendah	0.15	0.13
		Perdagangan Rizab	0.10	0.08

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

		Melayu		
		Harta Khas (Pos)	0.30	0.25
		Harta Khas (Menara Telekom)	0.70	0.
11	MDYP	Kediaman	0.25	0.23
12	MDSR	Perumahan	0.25	0.22
		Perumahan Kos Rendah	0.25	0.20
		Perdagangan Rizab Melayu	0.13	0.10
		Perdagangan	0.30	0.25
		Perindustrian	0.60	0.55
		Pertanian	0.20	0.10
13	MDM	Perindustrian	1.0/0.70	0.55/0.40
		Perniagaan	0.90/0.65	0.35/0.30
		Kediaman	0.70/0.60	0.25/0.20
		Kediaman Rizab Melayu	0.35/0.30	0.13/0.10
		Pertanian	0.50/0.40	0.12/0.11
14	MDL	Perumahan	0.30	0.20
		Perniagaan	0.50	0.25

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, PBT-PBT selain MPKU sedang melaksanakan kerja-kerja penilaian semula. Walau bagaimanapun, ianya dikaji semula disebabkan penularan wabak COVID-19. Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 7 Oktober 2020 memutuskan kerja-kerja penilaian semula boleh diteruskan tetapi penguatkuasaannya adalah tertakluk kepada keputusan kerajaan.

Bagi meringankan beban rakyat yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 di dalam aspek pembayaran cukai harta, PBT-PBT telah melaksanakan beberapa pendekatan sebagaimana berikut :

Pertama, tidak mengenakan bayaran denda dan notis.

Kedua, membenarkan bayaran secara ansuran.

Ketiga, tidak mengenakan apa-apa tindakan ke atas harta-harta yang mempunyai tunggakan cukai.

Keempat, mempertimbangkan permohonan Remisi bagi harta-harta yang tidak diduduki, tidak beroperasi mengikut syarat-syarat di bawah Seksyen 162 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Terdahulu, pada tahun 2020, PBT telah mengalami penurunan kutipan hasil cukai sebanyak RM98.73 juta disebabkan penularan wabak COVID-19. Walaupun begitu, PBT tetap menyumbangkan 1% hasil cukai dan bukan cukai berjumlah RM9.5 Juta bagi menyokong program-program kerajaan dan bantuan-bantuan kepada penduduk seperti menyediakan Gerobok Makanan, Bantuan Tunai, Bantuan Makanan, Bantuan Barang Keperluan Asas, Kursus-Kursus Kemahiran bagi menjana pendapatan dan Bantuan Persekolahan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 45 (A194)

PDRM merekodkan sejumlah 468 kes bunuh diri bermula Januari hingga Mei tahun ini. Berapakah pecahan kes bunuh diri dari Januari sehingga Julai 2021 bagi negeri Johor, berdasarkan umur dan jantina untuk setiap daerah?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Penggaram**, Polis Diraja Malaysia (PDRM) merekodkan 631 kes bunuh diri sepanjang tahun 2020 dan 468 kes dalam tempoh Januari hingga Mei 2021.

Bagi pecahan kes bunuh diri dalam tempoh Januari hingga Julai 2021, negeri Johor merekodkan 68 kes bunuh diri. Daripada jumlah berkenaan, seramai 60 lelaki dan 8 orang wanita dilaporkan bunuh diri.

Kebanyakan mangsa yang terbabit adalah berumur antara 21 hingga 40 tahun, iaitu seramai 42 orang dengan pecahan 40 lelaki dan 2 perempuan, diikuti mangsa yang berumur 41 hingga 60 tahun seramai 14 orang, di mana daripada jumlah itu seramai 12 lelaki dan 2 perempuan telah membunuh diri.

Mangsa tua atau lanjut usia, berusia 61 ke atas telah merekodkan sebanyak 10 kes bunuh diri dengan pecahan 7 lelaki dan 3 perempuan. Manakala, bagi usia remaja, sebanyak 2 kes bunuh diri direkodkan di mana melibatkan seorang mangsa lelaki dan perempuan.

Berdasarkan trend kejadian bunuh diri yang berlaku, semua pihak yang bertanggungjawab, terutamanya masyarakat harus memainkan peranan penting bagi membantu membendung gejala ini.

Individu yang mengalami masalah seperti kewangan, kesihatan, tekanan perasaan, kemurungan dan masalah keluarga cenderung untuk mengambil tindakan bunuh diri. Di sini, bantuan serta sokongan daripada pihak keluarga dan rakan-rakan terdekat amat diperlukan.

PDRM menyeru individu yang mengalami masalah dan tekanan seperti yang dinyatakan untuk segera mendapatkan bantuan serta sokongan daripada ahli keluarga, rakan-rakan terdekat dan pihak yang menyediakan khidmat kaunseling.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 46 (A211)

Berapa premis tempat kerja yang disaman akibat langgar peraturan bagi tempoh PKP1, PKP2 dan PKP3.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Johor Jaya**, sebanyak 38,873 premis telah disaman sepanjang tempoh operasi, mulai 1 Julai 2021 hingga 1 Ogos 2021 menerusi pelaksanaan OP Patuh yang dilancarkan oleh Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin pada 25 Jun 2021 lalu.

Operasi ini telah dijalankan diseluruh negara secara "Pocket Ops" bermula pada 25 Jun 2021 dan dijalankan secara strategiknya mulai pada 1 Julai 2021.

Operasi ini diterajui oleh Polis Diraja Malaysia yang bertujuan untuk menghentikan penularan wabak Covid-19 yang berpunca dari sektor perkilangan termasuk industri, asrama atau hostel pekerja serta premis-premis perniagaan.

Lebih-lebih lagi, ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang menyaksikan kenaikan jumlah kes Covid-19 yang drastik melibatkan sektor perkilangan dan industri sehingga mencetuskan Kluster-kluster tempat kerja.

Dalam operasi itu, Polis Johor telah pun membuat pemeriksaan di **(6,022)** kilang, **(747)** tapak pembinaan, **(2,566)** asrama atau hostel pekerja dan **(29,413)** premis perniagaan.

Hasil daripada operasi ini, sebanyak **(19)** kilang / premis telah diarah tutup serta merta dan sebanyak **(106)** kompaun telah dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengkompunan Kesalahan-kesalahan) Pindaan (No. 7) 2021, Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 terhadap kilang-kilang dan premis-premis perniagaan.

Jumlah keseluruhan kompaun yang dikeluarkan oleh Polis Johor merangkumi pelbagai kesalahan, iaitu didapati sebanyak **22** kesalahan tiada surat kebenaran pengoperasian MITI, dua **(2)** salah guna Surat MITI, **20** kesalahan gagal dalam penyediaan protokol kesihatan, **25** kesalahan melebihi kapasiti pekerja 60% dan **37** lain-lain kesalahan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 47 (A137)

Mohon dinyatakan langkah kerajaan memastikan tarif air terkawal dalam tempoh pandemik.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Parit Raja**, penentuan kadar tarif air bagi setiap negeri adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan yang diselaraskan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan SPAN telah merangka satu sistem yang dikenali sebagai Mekanisme Penetapan Tarif Air (TSM) sebagai kaedah penetapan kadar tarif air yang dicadangkan untuk digunakapakai di seluruh negara namun pelaksanaan tersebut masih tertakluk kepada persetujuan kerajaan negeri.

Namun begitu, mengambil kira keadaan ekonomi dan situasi semasa negara yang berhadapan dengan pandemik COVID-19 yang turut dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal, Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (MTSHN) serta maklum balas rundingan awam yang telah dijalankan, KASA telah membuat keputusan untuk menangguhkan pelaksanaan TSM ke tahun 2022.

Cadangan pelaksanaan TSM dengan tarikh yang lebih bersesuaian akan dibentangkan kepada Mesyuarat Tertinggi MTSHN sebelum diangkat ke Kabinet untuk kelulusan.

Kerajaan Johor pada 2019 dan sehingga kini telah memaklumkan kepada Kerajaan Persekutuan bahawa kerajaan negeri tidak menyokong sebarang kenaikan tarif air pada mana-mana kategori kerana ia tidak sesuai dilaksanakan pada masa ini berdasarkan faktor berikut:-

- i. Kerajaan Negeri Johor masih lagi melaksanakan pemberian air percuma kepada golongan B40 yang mana sehingga kini perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Johor adalah sebanyak RM45,268,683.85 dengan purata penerima sebulan melibatkan 155,817 akaun Ranhil SAJ Sdn. Bhd. (RSAJ); dan
- ii. Tarif air Negeri Johor pada masa kini adalah yang paling mampan dengan keadaan RSAJ telah mencapai hampir semua KPI dan mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Selain daripada itu, bagi mengawal kenaikan tarif air ini juga, kerajaan negeri juga telah meminta supaya pihak SPAN untuk mengkaji dengan lebih terperinci Pelan Perniagaan RSAJ supaya ia tidak memberi kesan kepada kenaikan tarif air dan tidak menjejaskan pembekalan air terawat kepada rakyat.

Bantuan pemberian rebat air percuma 10m³ kepada golongan B40 masih diteruskan oleh kerajaan negeri bagi meringankan beban bagi yang berkelayakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)
SOALAN 48 (A173)

Jelaskan maklumat terperinci berkenaan infrastruktur perpaipan bekalan air terawat di daerah Johor Bahru, berapakah jumlah panjang (km) paip bekalan yang telah berusia lebih 50 tahun dan memberikan jadual rancangan penaiktarafan sistem perpaipan bagi tahun 2020, 2021, 2022 dan 2023.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Yang Berhormat Skudai, perancangan strategik merupakan satu aspek yang menjadi fokus kerajaan negeri untuk memastikan pengurusan air bersih terawat ini kekal cekap, khususnya di daerah Johor Bahru yang sedang membangun dengan pesat di samping kepadatan bilangan penduduknya.

Sudah semestinya perbekalan air yang stabil merupakan perkara asas untuk melancarkan kerancakkan pertumbuhan ekonomi di negeri Johor. Oleh itu, pihak Ranhill SAJ telah mengambil beberapa langkah proaktif:

Pertama, dengan menghentikan pemasangan paip-paip jenis "*asbestos cement*" (AC) bermula pada tahun 1997. Untuk rekod, jumlah paip (AC) keseluruhan negeri Johor adalah sepanjang 6,500 km.

Kedua, daerah Johor Bahru telah tersenarai dalam perancangan menaik taraf sistem perpaipan melalui program penggantian paip lama yang merupakan projek berimpak tinggi kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat untuk tahun 2020, 2021, 2022 dan 2030 sepertimana jadual berikut :

Program Rehab (Tahun)	Panjang Paip Yang Akan Ditukar (km)	Anggaran Kos (RM-Juta)
2018/ 2019	183.2	215.0
2020	281.4	280.0
2021	223.0	275.0
2022	154.4	165.3
2023	160.0	180.0

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)
SOALAN 49 (A178)

Apakah kaedah yang terbaik supaya setiap pemberian insentif dari pihak kerajaan dapat diagihkan secara teratur dan penerimaan pula lebih menyeluruh di seluruh negeri Johor ketika pandemik Covid-19 berlaku?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh **Yang Berhormat Penawar** berhubung bantuan yang diberikan oleh kerajaan negeri dapat ditambah baik supaya mudah untuk sampai ke seluruh rakyat memerlukan di negeri Johor ini.

Kerajaan Johor telah pun melaksanakan bantuan untuk rakyat menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor. Bagi bantuan di bawah PRE Ihsan Johor 2.0 dan PRE Ihsan Johor 3.0 sebanyak 51 inisiatif telah dilaksanakan dengan peruntukan sejumlah RM327.56 juta.

Antara kaedah dan inisiatif pelaksanaan PRE Ihsan Johor adalah melalui pemberian bantuan tunai secara sekali beri atau *one-off* kepada hampir 400 ribu penerima secara bersasar yang melibatkan peruntukan berjumlah RM106.69 juta.

Bantuan ini merangkumi pelbagai lapisan masyarakat, termasuk golongan miskin, peniaga kecil, mahasiswa, pemandu bas, teksi, penghantar makanan dan tidak ketinggalan petugas barisan hadapan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, sebanyak 14 inisiatif di bawah PRE Ihsan Johor 2.0 telah pun dilaksanakan dengan melibatkan pemberian bantuan tunai sebanyak RM300 selama dua bulan kepada penerima dalam senarai e-kasih.

Terdapat juga bantuan tunai RM500 kepada pengusaha Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) berstatus mikro yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), termasuk penyewa premis milik PBT dan pasar awam, peniaga pasar malam, peniaga pasar pagi dan pasar tani.

Selain itu, bantuan pemberian tunai sebanyak RM500 kepada pemilik teksi, teksi limosin dan teksi lapangan terbang. Manakala, bagi golongan Mahasiswa, bantuan tunai sejumlah RM150 diberikan kepada Mahasiswa Anak Johor daripada keluarga B40.

Bagi golongan terjejas sepanjang tempoh pandemik Covid-19 ini turut menerima bantuan tunai. Ini termasuk, bantuan tunai RM500 kepada pengusaha bas sekolah berdaftar, bantuan tunai RM100 kepada pemandu dan penghantar makanan syarikat e-hailing yang berdaftar di Johor serta bantuan tunai RM100 kepada setiap orang pelajar sekolah rendah dan menengah yang berasal dari keluarga berpendapatan RM3,000 hingga RM7,000 sebulan,

Malah, kerajaan negeri turut menghargai petugas barisan hadapan (*Frontliners*) dengan memberikan bantuan tunai sebanyak RM200 kepada petugas barisan hadapan yang terlibat dalam usaha menangani COVID-19.

Kerajaan Johor turut meningkatkan Bantuan Am Negeri dari RM200 ke RM300 sebulan dengan golongan sasar di bawah Bantuan Jabatan Kebajikan Johor, bantuan tunai RM100

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

kepada asnaf di bawah penerima Bantuan Sara Hidup dan Bantuan Perubatan serta bantuan tunai RM200 kepada individu yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Bagi sektor pelancongan pula, kerajaan negeri ada menyediakan pemberian insentif RM1 ribu kepada pemandu pelancong yang berdaftar di negeri Johor, insentif sebanyak RM20 ribu kepada persatuan pelancongan negeri dan daerah serta insentif RM2 ribu kepada syarikat agensi pelancongan.

Bantuan kerajaan Johor terus diperluaskan dan pelaksanaan PRE Ihsan Johor 3.0 diumumkan dengan sebanyak 14 inisiatif disediakan di mana sebahagian inisiatif di bawah PRE 2.0 masih diteruskan.

Pemberian bantuan tunai juga diperluaskan kepada pengusaha kedai gunting rambut, penjaja luar bandar, ketua kampung, imam, noja dan bilal, pengamal media, pengusaha kantin sekolah, persatuan dan penggiat seni, pengusaha hotel bajet dan homestay, pemandu pelancong serta individu yang kehilangan pekerjaan atau diberhentikan.

Bagi memastikan bantuan dapat diagihkan dengan cepat dan berkesan, kerajaan negeri menggunakan kaedah pemberian bantuan tunai secara *Electric Fund Transfer* (EFT) terus ke akaun penerima yang layak.

Dalam situasi pandemik ketika ini serta kekangan pergerakan kerana tertakluk di bawah SOP Pelan Pemulihan Negera Fasa 1 yang dilalui oleh negeri Johor, pendekatan pemberian bantuan lebih tertumpu kepada pemberian tunai secara *EFT*.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)
SOALAN 50 (A7)

Apakah pelan "Jalan Keluar (Exit Plan)" kerajaan Negeri Johor daripada wabak Covid-19 dan perancangan dan persediaan yang akan diambil oleh kerajaan Negeri Johor untuk menyediakan rakyat negeri Johor bagi menghadapi keadaan norma baharu "Hidup Di Samping Wabak Covid-19" ?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Pandemik COVID-19 telah menular di Malaysia sejak 18 bulan yang lepas. Ia merupakan *unprecedented event* yang mengancam kesihatan dan ekonomi secara keseluruhannya.

Kemunculan beberapa varian baharu seperti varian Delta yang lebih mudah merebak dan menjangkiti individu lain telah menambah kesukaran untuk mengawal penularannya. Mahu tidak mahu kita perlu menerima hakikat yang kita akan terus hidup disamping virus ini.

Di peringkat kerajaan Persekutuan menerusi pengumuman YAB Perdana Menteri, Tan Sri Haji Mahiaddin Mohd Yassin pada 15 Jun 2021 lalu telah mengumumkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang merupakan *roadmap* dan strategi peralihan keluar dari krisis Covid-19 secara berfasa yang turut digunapakai oleh Kerajaan Negeri Johor pada ketika ini.

Peralihan ini merangkumi empat (4) fasa, di mana peralihan sesebuah negeri dari satu fasa ke fasa yang selanjutnya melibatkan pembukaan aktiviti ekonomi dan sosial secara beransur.

Peralihan fasa bagi negeri akan dinilai dan dipertimbangkan berdasarkan tiga (3) indikator nilai ambang iaitu purata bilangan kes harian, kadar penggunaan katil di wad ICU dan peratusan rakyat dewasa yang telah lengkap divaksinasi.

Program vaksinasi merupakan kunci utama kejayaan melawan COVID-19.

Untuk makluman Dewan yang mulia, program vasinasi sedang giat dilaksanakan di seluruh negara. Untuk rekod, sehingga 2 Ogos 2021 di negeri Johor seramai 2,653,924 orang atau 97.9% rakyat telah mendaftar untuk menerima vaksin.

Daripada jumlah tersebut, seramai 1,184,151 orang atau 31.3% telah menerima dos pertama dan diunjurkan pada penghujung Oktober 2021, negeri Johor akan dapat mencapai imuniti kelompok.

Dengan keberkesanan program vaksinasi ini, adalah diharapkan penularan COVID-19 ini tidak berterusan menjadi pandemik dan dapat beransur menjadi endamik iaitu keadaan, di mana virus ini mungkin akan terus wujud namun wabak ini boleh dikawal melalui adaptasi norma baharu, sistem kesihatan awam yang berkesan dan amalan kesihatan serta pematuhan SOP yang ketat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 7 SEPTEMBER 2021**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 51 (A128)

Adakah ADUN pembangkang tidak dibenarkan melibatkan diri dalam perbincangan pengawalan pandemik dan perancangan vaksinasi dalam jawatankuasa kerajaan peringkat negeri dan pihak CITF daerah.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Penubuhan Covid-19 Immunisation Task Force (CITF) ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) .

Di peringkat negeri dan daerah struktur Jawatankuasa ini adalah menggunakan platform Jawatankuasa Pengurusan Bencana yang mana penglibatan agensi dan jabatan pelaksana sahaja.